Namun perlu diingatkan bahawa untuk setiap ansuran yang dibayar setiap bulan, keutamaan diberikan untuk menjelaskan jumlah faedah pada bulan tersebut, dan kemudian baki selebihnya digunakan untuk menjelaskan baki jumlah pinjaman.

Contoh 20

Encik Harith membuat pinjaman peribadi sebanyak RM10 000 dari Bank Mulia dengan kadar faedah 6% atas baki. Tempoh bayaran balik adalah selama 7 tahun manakala ansuran bulanan adalah sebanyak RM150.

Hitung jumlah faedah yang perlu dibayar oleh Encik Harith bagi 3 bulan pertama.

Penyelesaian:

Bulan pertama

$$\begin{aligned}\text{Faedah bulan pertama} &= \text{RM}10\,000 \times \frac{6}{100} \times \frac{1}{12} \\ &= \text{RM}50.00\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pinjaman pada akhir bulan pertama} &= \text{RM}10\,000 + \text{RM}50 \\ &= \text{RM}10\,050\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Baki selepas bayaran ansuran bulan pertama} &= \text{RM}10\,050 - \text{RM}150 \\ &= \text{RM}9\,900\end{aligned}$$

Bulan kedua

$$\text{Jumlah baki pinjaman pada awal bulan kedua} = \text{RM}9\,900$$

$$\begin{aligned}\text{Faedah bulan kedua} &= \text{RM}9\,900 \times \frac{6}{100} \times \frac{1}{12} \\ &= \text{RM}49.50\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pinjaman bagi akhir bulan kedua} &= \text{RM}9\,900 + \text{RM}49.50 \\ &= \text{RM}9\,949.50\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Baki selepas bayaran ansuran bulan kedua} &= \text{RM}9\,949.50 - \text{RM}150 \\ &= \text{RM}9\,799.50\end{aligned}$$

Bulan ketiga

$$\text{Jumlah baki pinjaman pada awal bulan ketiga} = \text{RM}9\,799.50$$

$$\begin{aligned}\text{Faedah bulan ketiga} &= \text{RM}9\,799.50 \times \frac{6}{100} \times \frac{1}{12} \\ &= \text{RM}49.00\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pinjaman bagi akhir bulan ketiga} &= \text{RM}9\,799.50 + \text{RM}49.00 \\ &= \text{RM}9\,848.50\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Baki selepas bayaran ansuran bulan ketiga} &= \text{RM}9\,848.50 - \text{RM}150 \\ &= \text{RM}9\,698.50\end{aligned}$$

$$\text{Jumlah faedah bagi tempoh tiga bulan pertama ialah } \text{RM}50.00 + \text{RM}49.50 + \text{RM}49.00 = \text{RM}148.50$$



Imbas QR Code atau layari <http://yakin-pelajar.com/Bab%203/> untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pinjaman faedah sama rata dan faedah atas baki.

Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah yang melibatkan pinjaman?

STANDARD PEMBELAJARAN
Menyelesaikan masalah yang melibatkan pinjaman.

Contoh /21

Ameera ingin membeli sebuah kereta dan telah membayar wang pendahuluan sebanyak RM4 800. Baki bayaran akan dijelaskan melalui pinjaman kenderaan.



Nyatakan kelebihan dan kekurangan pinjaman kenderaan yang dipilih oleh Ameera.

Penyelesaian:

Kelebihan	Keburukan
<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran balik pinjaman kenderaan secara ansuran bulanan membolehkan Ameera memiliki kereta tersebut. • Tidak perlu membayar sekali gus dengan tunai. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kereta boleh ditarik balik jika tidak menjelaskan bayaran ansuran. • Jumlah bayaran balik adalah tinggi disebabkan faedah.

Contoh /22

Encik Vincent mula berkhidmat sebagai seorang guru kerajaan, dengan pendapatan bulanan sebanyak RM2 800. Beliau membuat keputusan untuk membeli sebuah kereta baharu untuk berulang alik dari rumah ke tempat kerjanya. Beliau menghubungi dua buah bank untuk mendapatkan pinjaman sebanyak RM40 000. Selain itu, setiap bulan beliau juga memerlukan RM1 500 untuk menampung perbelanjaan lain. Berikut ialah pakej pinjaman yang ditawarkan oleh dua bank kepada Encik Vincent.

Aspek pinjaman	Bank A	Bank B
Jumlah pinjaman	RM40 000	RM40 000
Tempoh bayaran	9 tahun	6 tahun
Kadar faedah	4.5 %	5 %
Penjamin	Tidak perlu	perlu

TIP

Jangan meminjam wang daripada pemberi pinjaman yang tidak berlesen kerana:

- ♦ Pinjaman akan dibuat mengikut terma dan syarat yang tersendiri
- ♦ Mengenakan caj faedah yang sangat tinggi dengan kompaun harian.
- ♦ Meletakkan diri dan keluarga anda dalam keadaan bahaya sekiranya anda lewat membuat bayaran.
- ♦ Memaksa anda membuat pinjaman tambahan untuk melunaskan pinjaman yang terdahulu.

Kemukakan cadangan kepada Encik Vincent bank manakah yang sesuai dipilih untuk pinjaman keretanya. Nyatakan alasan anda.

Penyelesaian:

Memahami masalah

Jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Encik Vincent dengan syarat tidak membebankannya.

Merancang strategi

- Menghitung faedah bulanan.
- Menghitung ansuran bulanan yang perlu dibayar.

Melaksanakan strategi

Jumlah bayaran balik yang akan dibayar kepada Bank A

$$A = P + Prt$$

$$A = \text{RM}40\,000 + \text{RM}40\,000 \times \frac{4.5}{100} \times 9$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bayaran balik} &= \text{RM}40\,000 + \text{RM}16\,200 \\ &= \text{RM}56\,200 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Ansuran bulanan} &= \frac{\text{RM}56\,200}{108 \text{ bulan}} \\ &= \text{RM}520.37 \end{aligned}$$

Jumlah bayaran balik yang akan dibayar kepada Bank B

$$A = P + Prt$$

$$A = \text{RM}40\,000 + \text{RM}40\,000 \times \frac{5}{100} \times 6$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bayaran balik} &= \text{RM}40\,000 + \text{RM}12\,000 \\ &= \text{RM}52\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Ansuran bulanan} &= \frac{\text{RM}52\,000}{72 \text{ bulan}} \\ &= \text{RM}722.22 \end{aligned}$$

Membuat kesimpulan

Encik Vincent harus memilih Bank A kerana Bank A mengenakan faedah yang lebih rendah berbanding dengan Bank B. Namun tempoh bayaran yang berlainan menyebabkan amaun faedah yang dibayar adalah berbeza. Oleh itu, Encik Vincent boleh juga memilih Bank B.

Cabaran Dinamis



Uji Diri

1. Apakah yang dimaksudkan dengan simpanan?
2. Nyatakan ciri-ciri berkaitan dengan Akaun Simpanan Tetap.
3. Encik Lipong menyimpan wang sebanyak RM8 000 di Bank Pantas dengan kadar faedah tahunan sebanyak 4% untuk 2 tahun. Berapakah jumlah simpanannya pada akhir tahun kedua?

Mahir Diri

1. Bagaimanakah strategi pemurataan boleh membantu seseorang pelabur?
2. Terangkan maksud pelaburan dalam hartanah.
3. Perbualan berikut adalah antara Ramesh dengan Ismail berkenaan pembelian saham.

Ramesh, saya baru sahaja membeli saham BHP Berhad.



Bagus Ismail, anda akan mendapat pulangan daripada pelaburan anda.

- (a) Terangkan tiga jenis pulangan yang akan diterima oleh Ramesh.
4. Berikut ialah dua jenis pelaburan.

Lee Chong membeli 3 000 unit syer syarikat awam berhad.

Mokhtar membeli 3 000 000 unit amanah saham.

Terangkan dua perbezaan antara dua jenis pelaburan tersebut.

5. Encik Shah ingin menyimpan wang sebanyak RM10 000 dalam akaun simpanan tetap selama 9 bulan.

Berikut ialah kadar faedah simpanan tetap yang ditawarkan oleh sebuah bank kepada Encik Shah.

	Kadar faedah tahunan
1 bulan	3.0
3 bulan	3.5
6 bulan	3.75
9 bulan	4.00
12 bulan	4.25

Hitung jumlah faedah yang akan diterima oleh Encik Shah jika beliau menyimpan selama 9 bulan.

6. Pada tahun 2018, Encik Zainal memiliki 6 000 unit syer Syarikat Vision Sdn. Bhd yang bernilai RM1 seunit. Pada tahun tersebut, syarikat itu mengisytiharkan sebanyak 6% dividen di samping bonus pada kadar 1 syer baharu bagi 2 unit syer yang dipegangnya. Pada akhir tahun 2018, harga saham meningkat kepada RM2.30 seunit.

Hitung

- jumlah dividen yang diterima oleh Encik Zainal.
 - jumlah unit syer bonus yang akan diterima oleh Encik Zainal.
 - jumlah unit syer yang dipegang oleh Encik Zainal selepas menerima syer bonus tersebut.
7. Lengkapkan jadual berikut.

Jumlah simpanan (RM)	Kadar faedah sama rata	Tempoh simpanan (tahun)	Jumlah faedah yang terkumpul
10 000	5%	2	
5 000		1	150
4 000	6%		720

8. Encik Kishendran menyimpan sebanyak RM5 000 dalam akaun simpanan tetap dengan kadar faedah 4% dan dikompaunkan 3 bulan sekali untuk tempoh masa 3 tahun. Hitung jumlah faedah yang terkumpul selepas tahun ketiga.

Masteri Kendiri

- Encik Oswald Alphonsus meminjam sebanyak RM15 000 dari Bank Yakin untuk memulakan perniagaan tukang jahit di Rawang. Bank mengenakan 5% dengan kadar faedah sama rata untuk tempoh pembayaran balik selama 5 tahun. Berapakah jumlah faedah yang akan dibayar oleh Encik Oswald Alphonsus kepada pihak bank?
- Puan Emily Francis menyimpan RM10 000 di sebuah bank. Pada akhir tahun kelapan, jumlah wang yang terkumpul berjumlah RM19 992.71. Jika pihak bank membayar faedah tahunan sebanyak $x\%$ bagi setahun dan dikompaunkan setiap 6 bulan sekali. Hitung nilai x .
- Puan Noraini Mitis mendepositkan sejumlah wang ke dalam akaun simpanannya yang memberi kadar faedah 2% setahun dan dikompaun setiap suku tahun. Berapakah deposit Puan Noraini Mitis sekiranya wang yang terkumpul pada akhir tahun kelima adalah sebanyak RM7 734.26?
- Puan Zaiton membeli 1 000 unit saham Syarikat Pelita Berhad pada harga RM2.00 seunit. Pada akhir tahun, Syarikat Pelita Berhad membayar dividen sebanyak 20 sen seunit kepada semua pemegang saham syarikatnya. Pada tahun berikutnya, Puan Zaiton telah menjual semua saham yang dipegang apabila harga saham tersebut meningkat kepada RM2.20 seunit. Hitung nilai pulangan pelaburan bagi Puan Zaiton.

- Encik Iskandar membuat pinjaman peribadi sebanyak RM20 000 dari Bank Cergas dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik adalah selama 10 tahun. Berapakah ansuran bulanan yang patut dibayar oleh Encik Iskandar?
- Puan Balkis membuat pinjaman peribadi sebanyak RM8 000 dari Bank Sentosa dengan kadar faedah 4% setahun atas baki. Tempoh bayar balik adalah selama 4 tahun manakala ansuran bulanan adalah sebanyak RM110. Hitung jumlah faedah yang perlu dibayar oleh Puan Balkis dalam masa 2 bulan.
- Berikut merupakan risalah promosi yang ditawarkan oleh Syarikat Seng Hong.



137.1 cm

79.2 cm

60 Inch


TAWARAN HEBAT!

Televisyen

Harga Tunai
RM4 000

Ansuran
RM120 × 36

Perbualan berikut adalah antara Masnah Rasam dengan Nanak Aliong selepas mereka meneliti risalah promosi di atas.



Nanak Aliong, saya hendak membeli televisyen seperti di dalam risalah di atas secara ansuran kerana bayaran bulanan adalah rendah dan saya mampu untuk membayarnya.


Masnah Rasam, saya ingat lebih baik anda membeli secara tunai berbanding dengan secara ansuran.



- Apakah pandangan anda tentang pendirian Masnah Rasam?
 - Hitung jumlah faedah yang dibayar serta kadar faedah yang dikenakan melalui pembayaran ansuran.
 - Sekiranya anda hendak membeli televisyen, apakah pilihan yang anda akan lakukan?
- Cik Kayal meminjam dari Bank Desa sebanyak RM X dengan kadar faedah 5% setahun. Tempoh bayar balik adalah selama 8 tahun. Jika ansuran bulanan yang dibayar ialah RM218.75, berapakah jumlah wang yang dipinjam oleh Cik Kayal?
 - Encik Murugan telah meminjam dari Bank Orkid sebanyak RM16 000 untuk kegunaan peribadi. Beliau akan membayar balik dalam tempoh 5 tahun dengan ansuran bulanan sebanyak RM320. Berapakah faedah setahun yang dikenakan oleh pihak bank?
 - Puan Sapiah meminjam sebanyak RM12 000 dari sebuah bank dengan kadar faedah 3% setahun bagi 5 tahun. Manakala, Puan Shafiqah Ira meminjam amaun yang sama dari bank lain dengan kadar 4.5% setahun bagi 5 tahun. Nyatakan perbezaan antara jumlah faedah yang dibayar oleh Puan Sapiah dengan Puan Shafiqah Ira.

Andaikan anda memenangi RM1 juta dalam peraduan teka-teki.

1. Nyatakan cara-cara pelaburan yang akan anda lakukan.
2. Jelaskan sebab anda memilih cara pelaburan tersebut.



(IMBAS KENDIRI)

Pada akhir bab ini, saya dapat:



1.	Mengenal pelbagai jenis simpanan dan pelaburan.		
2.	Membuat pengiraan yang melibatkan faedah mudah dan faedah kompaun bagi simpanan, dan seterusnya menerangkan kesan perubahan tempoh, kadar faedah atau pulangan dan kekerapan pengkompaunan terhadap nilai masa hadapan simpanan.		
3.	Membuat pengiraan yang melibatkan nilai pulangan pelaburan, dan seterusnya menerangkan faktor yang mempengaruhi pulangan pelaburan serta kesannya.		
4.	Membanding dan membeza potensi risiko, pulangan dan kecairan pelbagai jenis simpanan dan pelaburan.		
5.	Mengira purata kos sesyer bagi pelaburan saham menggunakan strategi pemurataan kos ringgit dan menjelaskan manfaat strategi ini.		
6.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan simpanan dan pelaburan.		
7.	Menjelaskan maksud kredit dan hutang, dan seterusnya menghuraikan pengurusan yang bijaksana tentang kredit dan hutang.		
8.	Mengkaji dan menghuraikan kelebihan dan kekurangan kad kredit dan penggunaannya secara bijaksana.		
9.	Mengkaji dan menghuraikan kesan pembayaran minimum dan pembayaran lewat bagi penggunaan kad kredit.		
10.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan penggunaan kad kredit.		
11.	Mengira jumlah bayaran balik pinjaman dan bayaran ansuran, dengan pelbagai kadar faedah dan tempoh pinjaman yang berbeza.		
12.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan pinjaman.		

⚙️ JELAJAH MATEMATIK

Anda boleh melayari laman web Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mengira tempoh masa yang diperlukan serta jumlah faedah yang perlu dibayar untuk menyelesaikan hutang kad kredit.



BAB 4

Lukisan Berskala



Apakah yang akan anda pelajari?

4.1


Lukisan Berskala

Kenapa Belajar Bab Ini?

- Lukisan berskala digunakan untuk memberi gambaran tentang ukuran objek atau jarak sebenar.
- Lukisan berskala banyak digunakan dalam bidang arkitek, kejuruteraan, fotografi, sains reka bentuk dan teknologi, dan sebagainya.

Pemaju perumahan lazimnya akan menyediakan model taman perumahan yang akan dimajukan. Model tersebut membolehkan pengguna mendapat gambaran berkaitan kawasan perumahan tersebut dan kemudahan lain yang disediakan oleh pemaju.

Selain itu, pelan setiap rumah yang akan dibina juga dilukis dengan menggunakan suatu skala tertentu dengan keadaan ukuran yang digunakan adalah berkadar dengan ukuran sebenar rumah. Lukisan pelan rumah ini membolehkan pembeli memilih jenis rumah yang ingin dibeli dengan mengambil kira saiz rumah, kemudahan serta keperluan dan kemampuan. Pernahkah anda melihat pelan rumah kediaman anda?







Eksplorasi Zaman

Angkor Wat di Kemboja merupakan antara monumen yang terkenal di Asia Tenggara. Angkor Wat dibina oleh Suryavarman II berikutan kejayaannya dalam peperangan dengan Champa dan seterusnya menyatukan Kampuchea. Angkor Wat dibina untuk menunjukkan kekuatan dan kedaulatan kerajaan Suryavarman II. Tingginya 213 meter dan luas 208 hektar. Tempat pemujaan terletak di bahagian tengah. Binaannya bertingkat empat dengan setiap sudutnya mempunyai menara tembok berukuran 850 meter lebar dan panjang 1000 meter yang dibina daripada batu laterit dan batu pasir yang terdapat di bahagian luarnya. Ukiran yang menggambarkan cerita daripada epik Ramayana dan Mahabharata terdapat pada dindingnya.



<http://yakin-pelajar.com/Eksplorasi%20Zaman/Bab%204/>



GERBANG KATA

- asal
- bentuk geometri
- darjah
- grid
- lakar
- objek
- saiz
- skala
- *original*
- *geometrical shape*
- *degree*
- *grid*
- *sketch*
- *object*
- *size*
- *scale*

4.1 Lukisan Berskala

Apakah hubungan antara ukuran sebenar objek dengan lukisan pelbagai saiz objek tersebut?

Tahukah anda, peta yang terdapat dalam perisian yang dicipta untuk memudahkan perjalanan adalah dilukis mengikut suatu skala tertentu?

Gambaran jarak yang ditunjukkan di antara dua buah bandar dalam perisian tersebut adalah berkadaran dengan jarak sebenar.

STANDARD PEMBELAJARAN


Mengkaji dan menerangkan hubungan antara ukuran sebenar objek dan lukisan pelbagai saiz objek tersebut, dan seterusnya menerangkan maksud lukisan berskala.



Contohnya dalam gambar rajah di atas, jarak di antara Johor Bahru dengan Kuala Lumpur digambarkan dengan menggunakan skala 1 cm : 50 km.

Contoh 1

Rajah di bawah menunjukkan lukisan yang mewakili objek $PQRST$ yang dilukis dengan saiz yang berbeza.



Apakah yang anda boleh nyatakan tentang saiz lukisan Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3 berbanding objek $PQRST$?

Penyelesaian:

Rajah 1: Panjang semua sisi dan saiz semua sudut adalah sama dengan objek.

Rajah 2: Panjang semua sisi berkurangan dengan suatu kadaran tertentu berbanding objek tetapi saiz semua sudut tidak berubah.


Rajah 3: Panjang semua sisi bertambah dengan suatu kadaran tertentu berbanding objek tetapi saiz semua sudut tidak berubah.

Kesimpulannya, semua sisi lukisan pada Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3 adalah mengikut suatu skala yang berkadaran dengan objek manakala saiz sudut tidak berubah. Maka, Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3 ialah lukisan berskala bagi objek $PQRST$.

Lukisan Berskala ialah lukisan suatu objek dengan keadaan semua ukuran dalam lukisan adalah **berkadaran** dengan ukuran pada objek.


UJI MINDA 4.1a

1. Rajah di bawah menunjukkan lukisan yang mewakili objek *ABCDE* yang dilukis dengan saiz yang berbeza.



Nyatakan rajah yang merupakan lukisan berskala bagi objek *ABCDE*.

2. Pada kertas grid lukis semula bentuk di bawah dengan menggunakan
 (a) saiz yang sama (b) saiz yang lebih kecil (c) saiz yang lebih besar



Bagaimanakah anda boleh mentafsir skala suatu lukisan berskala?

Skala yang digunakan untuk melukis suatu lukisan berskala adalah mengikut nisbah ukuran lukisan berskala kepada ukuran objek, iaitu

$$\text{Skala} = \frac{\text{Ukuran lukisan berskala}}{\text{Ukuran objek}}$$

Nisbah ini juga boleh ditulis dalam bentuk;

$$\text{Ukuran lukisan berskala} : \text{Ukuran objek}$$

Secara lazimnya, untuk lukisan berskala, kita menggunakan skala dalam bentuk nisbah.

$$1 : n$$

dengan keadaan n ialah integer positif atau pecahan


$1 : n$ bermaksud satu unit pada lukisan berskala akan mewakili n unit pada objek.

STANDARD PEMBELAJARAN
 Mentafsir skala suatu lukisan berskala.

Tujuan: Mentafsir skala suatu lukisan berskala.

Langkah:

1. Teliti rajah-rajah di bawah.



2. Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan rajah-rajah di atas.

Rajah	Lukisan berskala		Objek		Skala	
	Sisi	Panjang (unit)	Sisi	Panjang (unit)	Bentuk nisbah	1 : n
Rajah 1	$P'Q'$	12	PQ	4	12 : 4	$1 : \frac{1}{3}$
	$P'R'$	24	PR	8	24 : 8	$1 : \frac{1}{3}$
Rajah 2	$P'Q'$		PQ			
	$P'R'$		PR			
Rajah 3	$P'Q'$		PQ			
	$P'R'$		PR			
Rajah 4	$P'Q'$		PQ			
	$P'R'$		PR			
Rajah 5	$P'Q'$		PQ			
	$P'R'$		PR			

Perbincangan:

Bincangkan dapatan anda berdasarkan jadual di atas.

Hasil daripada Cetusan Minda 1, didapati bahawa;

- Jika $n < 1$, maka saiz lukisan berskala lebih besar daripada saiz objek.
- Jika $n > 1$, maka saiz lukisan berskala lebih kecil daripada saiz objek.
- Jika $n = 1$, maka saiz lukisan berskala sama dengan saiz objek.

✎ Bagaimanakah anda menentukan skala, ukuran objek atau ukuran lukisan berskala?


STANDARD PEMBELAJARAN

Menentukan skala, ukuran objek atau ukuran lukisan berskala.

$$\text{Skala} = \frac{\text{Ukuran lukisan berskala}}{\text{Ukuran objek}} = \frac{1}{n}$$

Contoh 2

Rajah di bawah menunjukkan objek $PQRS$ dan lukisan berskala $P'Q'R'S'$ yang dilukis pada grid segi empat sama. Nyatakan skala yang digunakan dalam bentuk $1 : n$.




Penyelesaian:

$$\text{Skala} = \frac{P'Q'}{PQ} = \frac{2}{4} = \frac{1}{2} \quad \text{atau} \quad \text{Skala} = \frac{P'S'}{PS} = \frac{3}{6} = \frac{1}{2} \quad \text{Maka, skala} = 1 : 2$$

Contoh 3

Rajah di bawah menunjukkan objek KLM dan lukisan berskala $K'L'M'$ yang dilukis pada grid segi empat sama. Nyatakan skala yang digunakan dalam bentuk $1 : n$.




Penyelesaian:

$$\text{Skala} = \frac{K'L'}{KL} = \frac{9}{3} = \frac{3}{1} \quad \text{atau} \quad \text{Skala} = \frac{L'M'}{LM} = \frac{12}{4} = \frac{3}{1} \quad \text{Maka, skala} = 3 : 1$$

3 dibahagi dengan 3 untuk mendapatkan nilai 1. $\rightarrow \frac{3}{3} = 1$

Contoh 4

Rajah di bawah menunjukkan objek PQR dan lukisan berskala $P'Q'R'$ yang dilukis pada grid segi empat sama yang berlainan saiz. Tentukan skala yang digunakan dalam bentuk $1 : n$.

**Penyelesaian:****Kaedah 1**

$$\text{Skala} = \frac{Q'R'}{QR} = \frac{6 \text{ cm}}{3 \text{ cm}} = \frac{2}{1}$$

$$\begin{aligned} \text{Skala} &= 2 : 1 \\ &= 1 : \frac{1}{2} \end{aligned}$$

Kaedah 2


Saiz grid digunakan kerana bilangan unit sisi objek dan sisi lukisan berskala sama.

$$\text{Skala} = \frac{\text{Saiz grid lukisan berskala}}{\text{Saiz grid objek}} = \frac{2 \text{ cm}}{1 \text{ cm}} = \frac{2}{1}$$

$$\begin{aligned} \text{Skala} &= 2 : 1 \\ &= 1 : \frac{1}{2} \end{aligned}$$

Contoh 5

Rajah di bawah menunjukkan objek $KLMN$ dan lukisan berskala $K'L'M'N'$ yang dilukis pada grid segi empat sama yang berlainan saiz. Tentukan skala yang digunakan.

**IMBAS KEMBALI**

$$K'N' = \sqrt{1.5^2 + 2^2} = 2.5$$

$$KN = \sqrt{3^2 + 4^2} = 5$$

Penyelesaian:

Kaedah 1

$$\text{Skala} = \frac{K' N'}{KN} = \frac{2.5 \text{ cm}}{5 \text{ cm}} = \frac{0.5}{1} = \frac{1}{2}$$

$$\text{Skala} = \frac{1}{2} : 1$$

$$\frac{1}{2} \times 2 : 1 \times 2$$

$$1 : 2$$

$\frac{1}{2}$ didarab dengan 2 untuk mendapatkan nilai 1.

Kaedah 2

$$\text{Skala} = \frac{\text{Saiz grid lukisan berskala}}{\text{Saiz grid objek}} = \frac{0.5 \text{ cm}}{1 \text{ cm}} = \frac{1}{2}$$

$$\text{Skala} = \frac{1}{2} : 1$$

$$1 : 2$$

Contoh 6

Sebuah peta dilukis dengan skala 1 : 300 000. Hitung jarak sebenar, dalam km, sebatang sungai yang panjangnya 3 cm pada peta tersebut.

Penyelesaian:

Kaedah 1

$$\frac{1 \text{ cm}}{300\,000 \text{ cm}} = \frac{3 \text{ cm}}{\text{Jarak sebenar}}$$

$$\text{Jarak sebenar} = \frac{3 \times 300\,000 \text{ cm}}{1 \text{ cm}}$$

$$= 900\,000 \text{ cm}$$

$$= 9 \text{ km}$$

Kaedah 2

Lukisan Berskala : Objek

$$1 : 300\,000$$

$$1 \text{ cm} : 300\,000 \text{ cm}$$

$$\times 3 \left\{ \begin{array}{l} 1 \text{ cm} : 3 \text{ km} \\ 3 \text{ cm} : 9 \text{ km} \end{array} \right. \times 3$$

Maka, jarak sebenar sungai ialah 9 km.



IMBAS KEMBALI

- 1 km = 1 000 m
- 1 m = 100 cm
- 1 km = 100 000 cm

Contoh 7

Peta negeri Johor dilukis dengan skala 1 cm kepada 10 km. Hitung jarak sebenar di antara Kluang dengan Ayer Hitam jika jarak di atas peta ialah 2 cm.

Penyelesaian:

Kaedah 1

$$\text{Skala} = \frac{\text{Jarak pada lukisan}}{\text{Jarak sebenar}}$$

$$\frac{1 \text{ cm}}{10 \text{ km}} = \frac{2 \text{ cm}}{\text{Jarak sebenar}}$$

$$\text{Jarak sebenar} = \frac{2 \text{ cm} (10 \text{ km})}{1 \text{ cm}}$$

$$\text{Jarak sebenar} = 20 \text{ km}$$

Kaedah 2

Lukisan berskala : Objek

$$\times 2 \left\{ \begin{array}{l} 1 \text{ cm} : 10 \text{ km} \\ 2 \text{ cm} : 20 \text{ km} \end{array} \right. \times 2$$

Maka, jarak sebenar ialah 20 km.

Contoh 8

Khairul melukis segi empat sama dengan skala $1 : \frac{1}{3}$. Jika panjang sebenar sisi segi empat sama tersebut ialah 6 cm, berapakah panjang sisi, dalam cm, lukisan berskala?

Penyelesaian:

Kaedah 1

$$\text{Skala} = \frac{\text{Sisi lukisan berskala}}{\text{Sisi objek yang sepadan}}$$

$$\frac{1}{3} = \frac{\text{Sisi lukisan berskala}}{6 \text{ cm}}$$

Sisi lukisan berskala = $3 \times 6 \text{ cm}$
 Panjang sisi lukisan berskala = 18 cm

Kaedah 2

Lukisan berskala : Objek









$$1 : \frac{1}{3} \quad \begin{matrix} \times 18 \\ \times 18 \end{matrix}$$

$$18 \text{ cm} : 6 \text{ cm}$$

Maka, panjang sisi dalam lukisan berskala ialah 18 cm.

UJI MINDA 4.1b

1. Tentukan skala yang digunakan untuk setiap lukisan berskala di bawah dalam bentuk $1 : n$.

Objek	Lukisan berskala
(a) 	
(b) 	
(c)  } 0.5 cm	 } 1 cm
(d) 	

- Sekeping poster berukuran 24 cm panjang dan 8 cm lebar. Hitung panjang dan lebar lukisan berskala poster itu, dalam cm, yang dilukis mengikut skala 1 : 4.
- Sebuah peta dilukis dengan skala 1 : 400 000. Berapakah jarak sebenar, dalam km, yang diwakili oleh sebatang sungai yang panjangnya 2.5 cm pada peta tersebut?
- Siew Lin melukis segi tiga bersudut tegak dengan skala $1 : \frac{1}{3}$. Jika panjang hipotenus lukisan berskala ialah 18 cm, hitung panjang hipotenus segi tiga asal.

Bagaimanakah anda melukis lukisan berskala bagi suatu objek dan sebaliknya?

STANDARD PEMBELAJARAN

Melukis lukisan berskala bagi suatu objek dan sebaliknya.

Melukis lukisan berskala bagi suatu objek.

Lukisan berskala suatu objek boleh dilukis dengan tiga cara.



- Menggunakan kertas grid yang sama saiz bagi skala yang berlainan atau;
- Menggunakan kertas grid yang berlainan saiz atau;
- Melukis di atas kertas kosong mengikut skala yang diberi.

Contoh 9

Lukiskan lukisan berskala bagi bentuk $PQRS$ di sebelah pada grid segi empat sama dengan skala $1 : \frac{1}{2}$.

Penyelesaian:

Skala yang diberi ialah $1 : \frac{1}{2}$. Maka, setiap sisi lukisan berskala ialah dua kali lebih panjang berbanding panjang sisi objek $PQRS$.




KUIZ

Jika anda perlu melukis lukisan berskala bagi padang sekolah anda, apakah skala yang sesuai dipilih? Kenapa?


Contoh 10

- Rajah ΔPQR di sebelah dilukis pada grid 1 cm \times 1 cm. Lukiskan semula ΔPQR di atas kertas grid berukuran
 - 1.5 cm \times 1.5 cm
 - 0.5 cm \times 0.5 cm
- Hitung skala yang digunakan dalam soalan (a)(i) dan (a)(ii) dalam bentuk $1 : n$.




Penyelesaian:

(a)(i)



(a)(ii)



(b) (i)

$$\text{Skala} = \frac{\text{Saiz grid lukisan berskala}}{\text{Saiz grid objek}} = \frac{1.5 \text{ cm}}{1 \text{ cm}}$$

$$\begin{aligned} \text{Skala} &= 1.5 : 1 \\ &= 1 : \frac{2}{3} \end{aligned}$$

(b) (ii)



$$\text{Skala} = \frac{\text{Saiz grid lukisan berskala}}{\text{Saiz grid objek}} = \frac{0.5 \text{ cm}}{1 \text{ cm}}$$

$$\begin{aligned} \text{Skala} &= 0.5 : 1 \\ &= 1 : 2 \end{aligned}$$

Contoh 11

Bina lukisan berskala bagi segi tiga PQR dengan skala $1 : 2$.

Penyelesaian:




Imbas QR Code atau layari <http://yakin-pelajar.com/Kertas%20Grid%20Bab%204/> untuk memuat turun kertas grid pelbagai saiz.

Bagi objek yang diberi nilai sudut tertentu, sudut lukisan berskala perlu dibina dengan tepat dan panjang sisi dilukis mengikut skala.


Melukis objek bagi suatu lukisan berskala.

Contoh 12

Rajah di sebelah menunjukkan lukisan berskala yang dilukis pada grid segi empat sama mengikut skala $1 : 2$. Lukiskan objek sebenar bagi $P'Q'R'S'T'$.



Penyelesaian:




Skala yang digunakan ialah 1 : 2 iaitu saiz lukisan berskala dua kali lebih kecil daripada objek. Maka, setiap sisi objek sebenar ialah dua kali lebih panjang daripada sisi lukisan berskala.

Contoh 13

Rajah di sebelah menunjukkan lukisan berskala sekuntum bunga yang dilukis pada grid berukuran 1 cm × 1 cm. Lukiskan objek sebenar bunga tersebut pada grid berukuran



- (a) 0.5 cm × 0.5 cm
- (b) 1.5 cm × 1.5 cm




Penyelesaian:

Objek perlu dilukis pada grid berlainan saiz. Maka, bilangan unit bagi sisi objek adalah sama dengan bilangan unit sisi lukisan berskala.


(a)



1. Lukiskan lukisan berskala untuk setiap objek berikut dengan skala $1 : \frac{1}{2}$ dan $1 : 3$.




2. (a) Objek pada rajah di sebelah dilukis pada kertas grid $1 \text{ cm} \times 1 \text{ cm}$. Lukiskan semula bentuk objek itu pada kertas grid berukuran
- (i) $2 \text{ cm} \times 2 \text{ cm}$
 - (ii) $0.5 \text{ cm} \times 0.5 \text{ cm}$
- (b) Hitung skala yang digunakan dalam 2 (a)(i) dan (ii).




3. Lukiskan lukisan berskala bagi bentuk-bentuk berikut dengan menggunakan skala yang diberi.


(a) Skala $1 : 3$



(b) Skala $1 : 200$




(c) Skala $1 : \frac{1}{2}$



4. Rajah di sebelah menunjukkan lukisan berskala bagi suatu gabungan bentuk yang dilukis pada grid segi empat sama dengan skala $1 : \frac{1}{2}$.

Lukiskan objek sebenar bagi bentuk tersebut.



 **Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah yang melibatkan lukisan berskala?**

 **STANDARD PEMBELAJARAN**

Menyelesaikan masalah yang melibatkan lukisan berskala.

Contoh 14

Jarak di antara Bintulu dengan Miri di atas suatu peta ialah 4 cm.

- Jika skala yang digunakan untuk melukis peta itu ialah 1 cm : 50 km, hitung jarak sebenar, dalam km, di antara Bintulu dengan Miri.
- Jika peta dilukis semula dengan skala 1 : 2 000 000, hitung jarak di antara Bintulu dengan Miri di atas peta baru.
- Encik Dominic Lajawa bersama keluarganya ingin melawat bandar Miri. Jika beliau bercadang untuk memandu ke Miri dengan kelajuan 80 km j^{-1} , hitung masa yang diperlukan untuk perjalanan dari Bintulu ke Miri dalam jam dan minit.

TIP 

Jika skala lukisan berskala dan kehendak soalan dalam unit yang sama, misalnya km maka, skala tidak perlu ditukar kepada unit cm.

Penyelesaian:

Memahami masalah

- Jarak sebenar bagi jarak 4 cm yang dilukis dengan skala 1 cm : 50 km.
- Jarak pada lukisan berskala yang dilukis dengan skala 1 : 2 000 000.
- Tempoh masa dalam jam dan minit bagi perjalanan dari Bintulu ke Miri dengan kelajuan 80 km j^{-1} .

Merancang strategi

$$\text{Skala} = \frac{\text{Jarak pada lukisan}}{\text{Jarak sebenar}}$$

$$\text{Masa} = \frac{\text{Jarak}}{\text{Laju}}$$

Membuat kesimpulan

- Jarak sebenar di antara Bintulu dengan Miri ialah 200 km.
- Jarak di antara Bintulu dengan Miri pada peta dengan skala 1 : 2 000 000 ialah 10 cm.
- Tempoh masa yang diperlukan oleh Encik Dominic Lajawa untuk memandu dari Bintulu ke Miri dengan kelajuan 80 km j^{-1} ialah 2 jam dan 30 minit.

Melaksanakan strategi

$$(a) \text{ Skala} = \frac{\text{Jarak pada lukisan}}{\text{Jarak sebenar}}$$

$$\frac{1}{50 \text{ km}} = \frac{4 \text{ cm}}{\text{Jarak sebenar}}$$

$$\text{Jarak sebenar} = \frac{4 \text{ cm} (50 \text{ km})}{1 \text{ cm}}$$

$$\text{Jarak sebenar} = 200 \text{ km}$$

$$(b) \text{ Skala} = \frac{\text{Jarak pada lukisan}}{\text{Jarak sebenar}}$$

$$\frac{1}{2\,000\,000} = \frac{\text{Jarak pada lukisan}}{200 \text{ km}}$$

$$\text{Jarak pada lukisan} = \frac{(200 \times 100\,000) \text{ cm}}{(2\,000\,000) \text{ cm}}$$

$$\text{Jarak pada lukisan berskala} = 10 \text{ cm}$$

$$(c) \text{ Masa} = \frac{\text{Jarak}}{\text{Laju}}$$

$$= \frac{200 \text{ km}}{80 \text{ km j}^{-1}}$$

$$= 2.5 \text{ jam}$$


$$\text{Tempoh masa} = 2 \text{ jam } 30 \text{ minit}$$



IMBAS KEMBALI

$$\text{Laju} = \frac{\text{Jarak}}{\text{Masa}}$$


- Rajah di sebelah menunjukkan segi tiga bersudut tegak. Suatu lukisan berskala bagi segi tiga tersebut dilukis mengikut skala $1 : \frac{1}{3}$. Hitung luas, dalam cm^2 , bagi lukisan berskala itu.



- Rajah di sebelah menunjukkan sebuah bilik berbentuk segi empat tepat. Hitung perimeter, dalam cm, bagi lukisan berskala bilik tersebut yang dilukis dengan skala $1 : 50$.



- Ukuran sebuah bilik berbentuk segi empat tepat pada lukisan berskala ialah $7 \text{ cm} \times 5 \text{ m}$. Jika skala yang digunakan ialah $1 : 400$, hitung luas sebenar bilik tersebut dalam m^2 .
- Suatu poligon sekata dengan sudut peluaran 36° dilukis semula dengan menggunakan skala $1 : 5$. Jika panjang sebenar sisi poligon sekata itu ialah 10 cm , hitung perimeter lukisan berskala poligon sekata itu.
-




Rajah di atas menunjukkan lukisan berskala bagi sebuah padang yang berbentuk segi empat tepat.

- Jika skala yang digunakan ialah $1 : 2\,000$, hitung luas sebenar padang itu dalam meter persegi.
- Encik Dany memotong rumput di padang tersebut dengan kadar 400 meter persegi dalam masa 8 minit. Hitung tempoh masa, dalam jam dan minit, yang diperlukan oleh Encik Dany untuk memotong rumput keseluruhan padang tersebut.


Cabaran Dinamis

Uji Diri

1. Rajah di bawah menunjukkan segi tiga P yang merupakan lukisan berskala bagi segi tiga Q dengan skala $1 : n$. Hitung nilai n .




2. Rajah di bawah menunjukkan lima segi empat tepat.



- (a) Antara segi empat tepat I, II, III, dan IV, yang manakah merupakan lukisan berskala bagi segi empat tepat S di bawah skala tertentu?
- (b) Bagi setiap jawapan anda di (a), tentukan skala yang digunakan.
- (c) i. Hitung luas setiap segi empat tepat, dalam cm^2 , bagi jawapan anda di (a).
 ii. Tentukan nisbah luas S kepada luas setiap jawapan anda di (c) i.
 Apakah kesimpulan anda berkaitan nisbah yang diperoleh?

3. Rajah di sebelah menunjukkan suatu lukisan berskala bagi bulatan berpusat di O dan segi tiga PQR . Diberi bahawa diameter bulatan ialah 6 cm dan skala lukisan ialah $1 : 3$.




- (a) Hitung panjang sebenar PR dalam cm. Nyatakan jawapan anda betul kepada 3 angka bererti.
- (b) Dengan menggunakan jawapan anda di (a), hitung luas kawasan berlorek yang sebenar dalam cm^2 . Nyatakan jawapan betul kepada 4 angka bererti.

1.




Jarak laluan penerbangan dari Kuching ke Kota Kinabalu di atas suatu peta ialah 5.4 cm. Diberi bahawa skala peta tersebut ialah 1 cm : 150 km. Jika sebuah pesawat tempatan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada jam 1240 dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada jam 1410, hitung laju purata pesawat tersebut dalam kmj^{-1} .

2. Rajah di sebelah menunjukkan lukisan berskala ruang tamu Puan Farah. Skala lukisan itu ialah 1 : 50. Puan Farah ingin memasang jubin pada keseluruhan ruang tamu tersebut. Beliau ingin menggunakan jubin dengan ukuran $30 \text{ cm} \times 30 \text{ cm}$ yang berharga RM2.80 sekeping. Suami Puan Farah telah mencadangkan jubin $50 \text{ cm} \times 50 \text{ cm}$ yang berharga RM6 sekeping. Jubin manakah yang harus dipilih oleh Puan Farah jika beliau ingin berjimat? Nyatakan alasan untuk jawapan anda.



3. Rajah di sebelah menunjukkan lukisan berskala bagi kebun milik Pak Hassan yang berbentuk segi empat tepat. Diberi bahawa skala lukisan tersebut ialah 1 : 2 000.




- Hitung luas sebenar kolam ikan air tawar dalam meter persegi terdekat. $\left[\pi = \frac{22}{7}\right]$.
- Nisbah luas kawasan penanaman pokok durian kepada luas kawasan penanaman pokok pisang.
- Hitung luas, dalam m^2 , kawasan lapang.
- Pak Hassan ingin memagar kebun beliau. Jika kos semeter pagar ialah RM5.50, hitung jumlah kos pembelian pagar, dalam RM.


Masteri Kendiri

1. Rajah di sebelah menunjukkan lukisan berskala tapak sebuah rumah kedai yang dilukis dengan skala 1 : 400.


- (a) Hitung luas sebenar bilik stor, dalam m^2 .
- (b) Nyatakan nisbah luas rumah kedai kepada luas bilik stor.
- (c) Jika ketinggian sebenar rumah kedai ialah 3.75 m, hitung isi padu, dalam m^3 , bentuk tiga dimensi rumah kedai tersebut.



2.



Rajah 1




Rajah 2

Rajah 1 menunjukkan lukisan berskala sebuah padang bola sepak yang berbentuk segi empat tepat.

- (a) Jika lukisan berskala ini dilukis dengan skala 1 : 1 000, hitung luas sebenar dalam m^2 padang bola sepak tersebut.
- (b) Sharon ingin melukis semula lukisan berskala pada Rajah 1 dengan menggunakan sehelai kertas bersaiz A4. Apakah skala maksimum yang boleh dipilih oleh Sharon? Nyatakan alasan untuk jawapan anda.
- (c) Beberapa kanopi akan didirikan di atas padang bola sepak tersebut seperti pada Rajah 2 untuk suatu karnival.
 - i. Jika dimensi tapak sebuah khemah ialah $5\text{ m} \times 4\text{ m}$, hitung bilangan maksimum khemah yang boleh didirikan.
 - ii. Sewa sebuah khemah ialah RM100 sehari. Diskaun 25% akan diberikan jika khemah-khemah itu disewa untuk lima hari atau lebih. Hitung jumlah sewa, dalam RM, jika majlis itu berlangsung selama seminggu.

PROJEK

Lukiskan peta daerah yang anda tinggal dengan menggunakan skala yang sesuai. Anda boleh menyatakan kedudukan rumah anda, sekolah dan kawasan-kawasan menarik yang terdapat di daerah anda dengan menggunakan simbol atau ilustrasi yang sesuai. Pamerkan hasil projek anda di kelas.



PETA KONSEP

Lukisan Berskala

Lukisan Berskala ialah lukisan yang dilukis semula seperti objek asal mengikut skala tertentu

$$\text{Skala} = \frac{\text{Ukuran lukisan berskala}}{\text{Ukuran objek}}$$

Skala $1 : n$, atau $1 : \frac{1}{n}$
dengan keadaan $n = 1, 2, 3, \dots$

$n < 1$
Lukisan berskala lebih besar daripada objek
 $1 : \frac{1}{2}$

Objek	Lukisan

$n = 1$
Lukisan berskala sama saiz dengan objek
 $1 : 1$

Objek	Lukisan

$n > 1$
Lukisan berskala lebih kecil daripada objek
 $1 : 2$

Objek	Lukisan

IMBAS KENDIRI


Pada akhir bab ini, saya dapat:




1.	Mengkaji dan menerangkan hubungan antara ukuran sebenar objek dan lukisan pelbagai saiz objek tersebut, dan seterusnya menerangkan maksud lukisan berskala.		
2.	Mentafsirkan skala suatu lukisan berskala.		
3.	Menentukan skala, ukuran objek atau ukuran lukisan berskala.		
4.	Melukis lukisan berskala bagi suatu objek dan sebaliknya.		
5.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan lukisan berskala.		

 JELAJAH MATEMATIK

1. Muat turun kertas grid pelbagai saiz.
2. Lukiskan satu gambar kegemaran anda seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 atau Rajah 2 pada salah satu kertas grid yang dipilih.



Rajah 1



Rajah 2



Imbas QR Code atau layari <http://yakin-pelajar.com/Kertas%20Grid%20Bab%204/> untuk memuat turun kertas grid pelbagai saiz.

3. Lukiskan semula gambar tersebut di semua kertas grid yang berlainan saiz.
4. Adakah anda boleh melukis gambar kegemaran anda dengan mudah pada grid yang berlainan saiz? Bincangkan.
5. Pamerkan hasil anda di sudut matematik kelas anda.

BAB 5

Nisbah Trigonometri

Apakah yang akan anda pelajari?


5.1 Sinus, Kosinus dan Tangen bagi Sudut Tirus dalam Segi Tiga Bersudut Tegak

Kenapa Belajar Bab Ini?

- Nisbah trigonometri membolehkan masalah berkaitan panjang, tinggi dan sudut dapat ditentukan dengan menggunakan segi tiga bersudut tegak.
- Konsep trigonometri digunakan dalam bidang pelayaran, penerbangan, kejuruteraan, astronomi, pembinaan dan sebagainya.

Sungai merupakan sumber utama air untuk kegunaan domestik kepada manusia.

Kelebaran sungai di kawasan tertentu dapat dihitung dengan menggunakan konsep trigonometri. Sudut dari kedudukan juru ukur ke pokok yang menjadi tanda rujukan pada titik R seperti pada rajah di bawah boleh diketahui dengan menggunakan tiodolit, alat mengukur sudut jarak jauh. Jika panjang PQ dan sudut PQR diketahui, maka kelebaran sungai, PR boleh dihitung dengan mudah melalui kaedah trigonometri.





Eksplorasi Zaman

Al-Battani atau Muhammad Ibn Jabir Ibn Sinan Abu Abdullah ialah bapa trigonometri. Beliau dilahirkan di Battan, Damsyik. Beliau merupakan putera Arab dan juga pemerintah Syria. Al-Battani diiktiraf sebagai ahli astronomi dan matematik Islam yang tersohor. Al-Battani mendapat pendidikan awal daripada bapanya sendiri Jabir Ibn San'an yang juga merupakan seorang saintis yang terkenal pada zamannya. Beliau berjaya meletakkan trigonometri pada tahap yang tinggi dan merupakan orang pertama yang menghasilkan jadual *cotangents*.



<http://yakin-pelajar.com/Eksplorasi%20Zaman/Bab%205/>

GERBANG KATA

- darjah
- hipotenus
- kosinus
- sinus
- tangen
- teorem Pythagoras
- *degree*
- *hypotenuse*
- *cosine*
- *sine*
- *tangent*
- *Pythagoras theorem*

🔗 **Bagaimanakah anda mengenal pasti sisi bertentangan, sisi bersebelahan dan hipotenus?**

STANDARD PEMBELAJARAN


Mengenal pasti sisi bertentangan dan sisi bersebelahan berdasarkan suatu sudut tirus dalam segi tiga bersudut tegak.

Tahukah anda bagaimana ketinggian suatu objek yang sukar diukur seperti bangunan dan gunung dihitung?


Misalnya dalam rajah di sebelah, jika jarak, s dan sudut dongak diketahui maka, ketinggian, t bangunan tersebut boleh dihitung dengan menggunakan konsep trigonometri.



Rajah di sebelah menunjukkan suatu segi tiga bersudut tegak PQR . Sebagaimana yang telah anda pelajari dalam bab Teorem Pythagoras di Tingkatan 1, sisi PR dikenali sebagai **hipotenus**, iaitu sisi terpanjang dalam segi tiga bersudut tegak PQR . Adakah dua sisi lain iaitu sisi PQ dan sisi QR juga mempunyai nama khas seperti sisi terpanjang, PR ?



Teliti Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah.



Berdasarkan $\angle PRQ$ dalam Rajah 1, sisi QR dikenali sebagai **sisi bersebelahan** manakala sisi PQ dikenali sebagai **sisi bertentangan**.

Berdasarkan $\angle QPR$ dalam Rajah 2, sisi PQ ialah sisi bersebelahan dan sisi QR ialah sisi bertentangan.

Perhatikan juga dalam kedua-dua Rajah 1 dan Rajah 2 hipotenus PR adalah tetap kedudukannya iaitu bertentangan dengan sudut 90° .

Bagi suatu segi tiga bersudut tegak;


- hipotenus ialah sisi terpanjang yang bertentangan dengan sudut 90° .
- sisi bersebelahan dan sisi bertentangan berubah mengikut kedudukan sudut tirus yang dirujuk.

TIP

Sudut tirus
 $0^\circ < \theta < 90^\circ$




TIP

$x + y = 90^\circ$
 $\angle x$ dan $\angle y$ ialah sudut tirus



Contoh 1

Kenal pasti sisi bertentangan, sisi bersebelahan dan hipotenus berdasarkan sudut yang diberi dalam jadual di bawah untuk semua segi tiga bersudut tegak berikut.




Penyelesaian:

Segi tiga	Sudut	Hipotenus	Sisi bertentangan	Sisi bersebelahan
$\triangle ABC$	$\angle BAC$	AC	BC	AB
	$\angle BCA$	AC	AB	BC
$\triangle KLM$	$\angle LKM$	KM	LM	KL
	$\angle LMK$	KM	KL	LM
$\triangle PQT$	$\angle TPQ$	PT	QT	PQ
$\triangle RQS$	$\angle QRS$	RS	QS	QR

UJI MINDA 5.1a

1. Berdasarkan segi tiga bersudut tegak di bawah, salin dan lengkapkan jadual yang diberi.



Segi tiga	Sudut	Hipotenus	Sisi bertentangan	Sisi bersebelahan
$\triangle PQR$	$\angle QPR$			
	$\angle PRQ$			
$\triangle KMN$	$\angle MNK$			
	$\angle MKN$			
$\triangle EFG$	$\angle FEG$			
	$\angle EGF$			
$\triangle ABE$	$\angle BAE$			
	$\angle AEB$			
$\triangle CBD$	$\angle BCD$			
	$\angle BDC$			

Apakah hubungan antara sudut tirus dengan nisbah sisi segi tiga bersudut tegak?

STANDARD PEMBELAJARAN

Membuat dan menentukan konjektur tentang hubungan antara sudut tirus dan nisbah sisi segi tiga bersudut tegak, dan seterusnya mentakrifkan sinus, kosinus dan tangen.


Cetusan Minda 1  Berkumpulan


Tujuan: Mengenal pasti hubungan antara sudut tirus dengan nisbah sisi segi tiga bersudut tegak.

Bahan: Kertas grid sama, pembaris dan pensel.

Langkah:

- Lukis segi tiga bersudut tegak PQR , dengan panjang PQ ialah 16 unit dan panjang QR ialah 12 unit.
- Lukiskan beberapa garis lurus yang selari dengan RQ . Labelkan sebagai $R_1 Q_1$, $R_2 Q_2$ dan $R_3 Q_3$ seperti pada rajah di bawah.



TIP  Guna Teorem Pythagoras untuk menentukan panjang PR_1 , PR_2 , PR_3 dan PR .

- Lengkapkan jadual di bawah dengan ukuran yang dikehendaki.

Sudut Tirus	Sisi bertentangan Hipotenus	Sisi bersebelahan Hipotenus	Sisi bertentangan Sisi bersebelahan
$\angle QPR$	$\frac{R_1 Q_1}{PR_1} = \frac{3}{5}$	$\frac{PQ_1}{PR_1} = \frac{4}{5}$	$\frac{R_1 Q_1}{PQ_1} = \frac{3}{4}$
	$\frac{R_2 Q_2}{PR_2} =$	$\frac{PQ_2}{PR_2} =$	$\frac{R_2 Q_2}{PQ_2} =$
	$\frac{R_3 Q_3}{PR_3} =$	$\frac{PQ_3}{PR_3} =$	$\frac{R_3 Q_3}{PQ_3} =$
	$\frac{RQ}{PR} =$	$\frac{PQ}{PR} =$	$\frac{RQ}{PQ} =$

Perbincangan:

- Apakah pola jawapan anda untuk nisbah panjang sisi bertentangan kepada hipotenus, nisbah panjang sisi bersebelahan kepada hipotenus dan nisbah panjang sisi bertentangan kepada panjang sisi bersebelahan?
- Apakah yang berlaku sekiranya saiz sudut diubah? Berikan justifikasi anda.

Hasil daripada Cetusan Minda 1, didapati bahawa;

- Bagi suatu sudut tirus yang ditetapkan dalam pelbagai saiz segi tiga bersudut tegak;
- (a) Nisbah panjang sisi bertentangan kepada hipotenus ialah suatu nilai pemalar.
 - (b) Nisbah panjang sisi bersebelahan kepada hipotenus ialah suatu nilai pemalar.
 - (c) Nisbah panjang sisi bertentangan kepada panjang sisi bersebelahan ialah suatu nilai pemalar.

Hubungan nisbah yang didapati daripada Cetusan minda 1 ialah nisbah trigonometri yang dikenali sebagai **sinus**, **kosinus** dan **tangen** iaitu:

$$\text{sinus} = \frac{\text{panjang sisi bertentangan}}{\text{hipotenus}}$$

$$\text{kosinus} = \frac{\text{panjang sisi bersebelahan}}{\text{hipotenus}}$$

$$\text{tangen} = \frac{\text{panjang sisi bertentangan}}{\text{panjang sisi bersebelahan}}$$

PERINGATAN

- ◆ sin = sinus
- ◆ kos = kosinus
- ◆ tan = tangen


BULETIN

Trigonometri berasal dari bahasa Yunani iaitu, Trigonon = tiga sudut Metron = mengukur

Contoh 2

Lengkapkan jadual berdasarkan rajah di sebelah.

sin x	kos x	tan x	sin y	kos y	tan y






Penyelesaian:

sin x	kos x	tan x	sin y	kos y	tan y
$\frac{QR}{PR}$	$\frac{PQ}{PR}$	$\frac{QR}{PQ}$	$\frac{PQ}{PR}$	$\frac{QR}{PR}$	$\frac{PQ}{QR}$

UJI MINDA 5.1b

1. Lengkapkan jadual berdasarkan segi tiga bersudut tegak di bawah.



Segi tiga	sin x	kos x	tan x	sin y	kos y	tan y
$\triangle DEF$						
$\triangle KLM$						
$\triangle PQR$						

Apakah kesan perubahan saiz sudut terhadap nilai sinus, kosinus dan tangen?

Cetusan Minda 2 Berpasangan


Membuat dan menentusahkan konjektur tentang kesan perubahan saiz sudut terhadap nilai sinus, kosinus dan tangen.

Tujuan: Mengenal pasti kesan perubahan saiz sudut terhadap nilai sinus, kosinus dan tangen.

Bahan: Kertas grid, pembaris, protractor dan pensel.

Langkah:

- Lukis empat segi tiga bersudut tegak seperti di bawah dengan panjang tapak ialah 10 cm.
- Pastikan ukuran sudut dan panjang semua segi tiga bersudut tegak adalah tepat seperti yang diberi.



- Lengkapkan jadual di bawah.

sin 10°	sin 20°	sin 30°	sin 40°	sin 50°	sin 60°	sin 70°	sin 80°
$\frac{RQ}{PR}$ $= \frac{1.8}{10.2}$ $= 0.1765$							$\frac{PQ}{PR}$ $= \frac{10}{10.2}$ $= 0.9804$

kos 10°	kos 20°	kos 30°	kos 40°	kos 50°	kos 60°	kos 70°	kos 80°
$\frac{PQ}{PR}$ $= \frac{10}{10.2}$ $= 0.9804$							$\frac{RQ}{PR}$ $= \frac{1.8}{10.2}$ $= 0.1765$

tan 10°	tan 20°	tan 30°	tan 40°	tan 50°	tan 60°	tan 70°	tan 80°
$\frac{RQ}{PQ}$ $= \frac{1.8}{10}$ $= 0.1800$							$\frac{PQ}{RQ}$ $= \frac{10}{1.8}$ $= 5.5556$

Perbincangan:

1. Berdasarkan jadual nilai bagi nisbah trigonometri yang telah anda lengkapkan, apakah kesimpulan yang anda boleh buat?
2. Apakah konjektur anda bagi
 - (a) nilai nisbah sinus yang menghampiri 0° dan 90° ?
 - (b) nilai nisbah kosinus yang menghampiri 0° dan 90° ?
 - (c) nilai nisbah tangen yang menghampiri 0° dan 90° ?

Hasil daripada Cetusan Minda 2, didapati bahawa;

Semakin besar saiz sudut tirus


- (a) semakin **besar nilai sinus** dan nilainya **menghampiri 1**.
- (b) semakin **kecil nilai kosinus** dan nilainya **menghampiri sifar**.
- (c) semakin **besar nilai tangen**.

TIP

$\sin 0^\circ = 0$	$\sin 90^\circ = 1$
$\cos 0^\circ = 1$	$\cos 90^\circ = 0$
$\tan 0^\circ = 0$	$\tan 90^\circ = \infty$

Contoh 3

Rajah di sebelah menunjukkan dua segi tiga bersudut tegak. Tentukan sama ada semua nisbah trigonometri bagi sudut x dan sudut y bernilai sama atau tidak. Nyatakan alasan untuk jawapan anda.



Penyelesaian:

$$\sin x = \frac{3}{5}$$

$$\cos x = \frac{4}{5}$$

$$\tan x = \frac{3}{4}$$

$$\sin y = \frac{1.5}{2.5} = \frac{3}{5}$$


$$\cos y = \frac{2}{2.5} = \frac{4}{5}$$

$$\tan y = \frac{1.5}{2} = \frac{3}{4}$$

Nisbah trigonometri bagi sudut x dan sudut y adalah sama kerana panjang setiap sisi untuk kedua-dua rajah adalah berkadaran.

UJI MINDA 5.1c


1. Rajah di sebelah menunjukkan dua segi tiga bersudut tegak. Tentukan sama ada semua nisbah trigonometri bagi sudut x dan sudut y bernilai sama atau tidak. Nyatakan alasan untuk jawapan anda.



2. Rajah di sebelah menunjukkan suatu segi tiga bersudut tegak.

- (a) Tentukan nisbah trigonometri bagi
 i. $\sin 15^\circ$ ii. $\cos 15^\circ$ iii. $\tan 15^\circ$
 iv. $\sin 30^\circ$ v. $\cos 30^\circ$ vi. $\tan 30^\circ$

(b) Adakah pertambahan nilai nisbah trigonometri bagi sudut 15° dan sudut 30° berkadaran dengan pertambahan nilai sudutnya?



Bagaimanakah anda menentukan nilai sinus, kosinus dan tangen suatu sudut tirus?

STANDARD PEMBELAJARAN
 Menentukan nilai sinus, kosinus dan tangen suatu sudut tirus.

Contoh / 4

Rajah di sebelah menunjukkan segi tiga bersudut tegak PQR . Hitung nilai

- (a) panjang PR (b) $\sin \angle PRQ$ (c) $\cos \angle PRQ$ (d) $\tan \angle QPR$


Penyelesaian:

- (a) panjang PR (b) $\sin \angle PRQ$ (c) $\cos \angle PRQ$ (d) $\tan \angle QPR$

$$PR = \sqrt{15^2 + 8^2} = \frac{15}{17} = \frac{8}{17} = \frac{8}{15}$$

$$= \sqrt{289}$$

$$= 17 \text{ cm}$$



IMBAS KEMBALI
 Teorem Pythagoras
 $c^2 = a^2 + b^2$
 $a^2 = c^2 - b^2$
 $b^2 = c^2 - a^2$

Contoh / 5


Rajah di sebelah menunjukkan segi tiga bersudut tegak PQT dan RQS . PQR ialah garis lurus. Diberi bahawa panjang SQ ialah 6 cm. Hitung nilai

- (a) panjang QR (b) panjang PT (c) $\sin \angle QRS$
 (d) $\cos \angle TPQ$ (e) $\tan \angle PTQ$ (f) $\tan \angle QSR$

Penyelesaian:

- (a) panjang QR (b) panjang PT (c) $\sin \angle QRS$
- $$QR = \sqrt{10^2 - 6^2} = \sqrt{64} = 8 \text{ cm}$$
- $$PT = \sqrt{4^2 + 3^2} = \sqrt{25} = 5 \text{ cm}$$
- $$= \frac{6}{10} = \frac{3}{5}$$

- (d) $\cos \angle TPQ = \frac{4}{5}$ (e) $\tan \angle PTQ = \frac{4}{3}$ (f) $\tan \angle QSR = \frac{8}{6} = \frac{4}{3}$



PERINGATAN
 Nilai nisbah harus diberi dalam sebutan terendah.


Apakah hubungan antara sinus, kosinus dan tangen?

Bagi suatu segi tiga bersudut tegak, anda ketahui bahawa;

$$\text{sinus} = \frac{\text{sisi bertentangan}}{\text{hipotenus}}, \quad \text{kosinus} = \frac{\text{sisi bersebelahan}}{\text{hipotenus}} \quad \text{dan} \quad \text{tangen} = \frac{\text{sisi bertentangan}}{\text{sisi bersebelahan}}$$

Tahukah anda ketiga-tiga nisbah trigonometri di atas berkaitan antara satu sama lain? Tangen ialah nisbah sinus kepada kosinus.

Teliti rajah di bawah.



Diketahui,

$$(a) \quad \sin \theta = \frac{x}{1} \\ x = \sin \theta$$

$$(b) \quad \cos \theta = \frac{y}{1} \\ y = \cos \theta$$

$$(c) \quad \tan \theta = \frac{x}{y}$$

Maka,

$$\tan \theta = \frac{\sin \theta}{\cos \theta}$$

SUDUT DISKUSI

Jika θ ialah $\angle QRP$, adakah nisbah $\tan \theta$ masih $\frac{\sin \theta}{\cos \theta}$? Bincangkan.

Contoh 6

Jika nilai $\sin \theta = 0.6$ dan $\cos \theta = 0.8$, hitung nilai $\tan \theta$.

Penyelesaian:

$$\begin{aligned} \tan \theta &= \frac{\sin \theta}{\cos \theta} \\ &= \frac{0.6}{0.8} \\ &= \frac{3}{4} \\ &= 0.75 \end{aligned}$$

Contoh 7

Jika nilai $\sin \theta = \frac{3}{8}$ dan nilai $\tan \theta = \frac{3}{\sqrt{55}}$, hitung nilai $\cos \theta$.

Penyelesaian:

$$\begin{aligned} \tan \theta &= \frac{\sin \theta}{\cos \theta} \\ \frac{3}{\sqrt{55}} &= \frac{\frac{3}{8}}{\cos \theta} \\ \cos \theta &= \frac{\frac{3}{8}}{\frac{3}{\sqrt{55}}} \\ \cos \theta &= \frac{\sqrt{55}}{8} \end{aligned}$$

KUIZ

$$\text{Jika } \tan \theta = \frac{1}{2},$$

nyatakan nilai $\sin \theta$ dan $\cos \theta$ yang mungkin.

BIJAK MINDA

Diberi $\sin \theta = x$.
Tentukan $\cos \theta$ dan $\tan \theta$ yang mungkin.


SUDUT DISKUSI

Jika $\tan \theta = 1$, apakah jenis segi tiga yang diwakili oleh sudut tersebut?

Contoh 8

Rajah di sebelah menunjukkan segi tiga bersudut tegak PQR .
 Diberi bahawa $PR = 20$ cm dan $\sin QPR = \frac{3}{5}$. Hitung

- (a) panjang QR
 Bagaimanakah anda membina lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu titik tetap?

Contoh 4

Bina lokus bagi titik P yang sentiasa berjarak 3 cm dari satu titik tetap O .

Penyelesaian:

1. Tandakan titik O .
2. Ukur 3 cm untuk bukaan jangka lukis.
3. Bina bulatan berjejari 3 cm yang berpusat pada titik O .



Apakah lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua titik tetap?

Cetusan Minda 4 Berpasangan

STANDARD PEMBELAJARAN


Tujuan: Menentukan lokus bagi suatu titik yang berjarak sama dari dua titik tetap.

Memerihkan lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua titik tetap.


Bahan: Kertas kosong, jangka lukis, pembaris dan pensel.

Langkah:


1. Tandakan dua titik tetap P dan Q yang berjarak 8 cm (Rajah 1).
2. Dengan menggunakan jangka lukis, tandakan persilangan, 4.5 cm dari titik P dan 4.5 cm titik Q (Rajah 2).
3. Ulangi langkah 2 dengan jarak-jarak lain yang lebih daripada 4.5 cm dari titik P dan titik Q (Rajah 3).



Rajah 1



Rajah 2



Rajah 3

4. Perhatikan kedudukan tanda-tanda persilangan pada Rajah 3.
5. Ulangi langkah 1 hingga 3 dengan ukuran berbeza di antara titik P dengan titik Q .
Adakah jawapan anda sama seperti pada langkah 4?

Perbincangan:

Apakah bentuk yang dihasilkan oleh kedudukan tanda-tanda persilangan? Terangkan.



Imbas QR Code atau layari <http://youtu.be/nieUGXAg1hE> untuk menonton video yang memerihal lokus bagi titik yang berjarak tetap dari dua titik tetap.

Hasil daripada Cetusan Minda 4, didapati bahawa;

Kedudukan tanda-tanda persilangan yang ditanda sama jarak dari titik tetap P dan Q membentuk satu garis lurus yang melalui titik tengah PQ .

Secara generalisasi,

Lokus bagi suatu titik yang berjarak sama dari **dua titik tetap** ialah **pembahagi dua sama seranjang** bagi garis lurus yang menyambungkan dua titik tetap itu.

Cetusan Minda 5



Berpasangan

Tajuk: Membina lokus berjarak sama dari dua titik tetap.

Bahan: Perisian dinamik

Langkah:



1. Mulakan dengan *New Sketch*.
2. Pilih *Straightedge Tool* untuk melukis satu segmen garis. Pilih *Text Tool* untuk melabel titik *A* dan titik *B*.
3. Pilih menu *Construct* untuk membina titik tengah (*midpoint*) segmen garis itu.
4. Tandakan kedua-dua segmen garis dan titik tengah dengan *Selection Arrow Tool*.
5. Pilih menu *Construct* untuk membina garis serenjang (*Perpendicular line*) (Rajah 1).

Perbincangan:

Apakah bentuk geometri yang terhasil? Terangkan.

IMBAS KEMBALI

Garis *AB* dikenali sebagai pembahagi dua sama.



Rajah 1


Hasil daripada Cetusan Minda 5, didapati bahawa;

Lokus yang berjarak sama dari dua titik tetap, *AB* ialah **satu garis lurus yang berserenjang** dengan garis lurus tersebut dan melalui titik tengah *AB*.

Bagaimanakah anda membina lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua titik tetap?


Contoh 5

Bina lokus bagi titik *P* yang berjarak sama dari dua titik tetap *M* dan *N*.




Penyelesaian:

1. Tandakan dua lengkok kecil menggunakan jangka lukis dengan bukaan lebih separuh daripada panjang *MN* dari titik *M*.
2. Dengan bukaan jangka lukis yang sama, tanda persilangan lengkok dari titik *N*.
3. Sambungkan kedua-dua titik persilangan dengan garis lurus.




Contoh 6

Rajah di sebelah menunjukkan segi tiga sama sisi *PQR*. Tentukan lokus bagi titik *X* yang berjarak sama dari titik *P* dan titik *R*.



Penyelesaian:

Lokus bagi titik X yang berjarak sama dari titik P dan titik R ialah pembahagi dua sama serenjang bagi garis yang menyambungkan titik P dan titik R .



Apakah lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu garis lurus?

Cetusan Minda 6




Tujuan: Menentukan lokus bagi suatu titik yang berjarak tetap dari satu garis lurus.


Bahan: Kertas grid segi empat sama, pembaris, pensel.

Langkah:


1. Lukis satu garis lurus MN (Rajah 1).
2. Tandakan suatu titik \times , yang berjarak 3 unit tegak dari garis MN (Rajah 2).



Rajah 1



Rajah 2



Rajah 3

3. Ulangi langkah 2 dengan sebanyak mungkin titik-titik \times (Rajah 3).
4. Perhatikan kedudukan titik-titik \times pada Rajah 3. Apakah pendapat anda tentang kedudukan titik-titik \times tersebut?
5. Ulangi langkah 1 hingga 4 dengan jarak unit yang berbeza.
6. Ulangi langkah 1 hingga 4 dengan garis lurus MN yang dilukis secara mencancang.

Perbincangan:

Apakah kesimpulan anda tentang kedudukan titik-titik yang ditanda sama jarak dari satu garis lurus?

STANDARD PEMBELAJARAN

Memerihalkan lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu garis lurus.

Hasil daripada Cetusan Minda 6, didapati bahawa;


Lokus bagi suatu titik yang sentiasa sama jarak dari garis lurus, MN , ialah sepasang garis lurus yang selari dengan MN .

Secara generalisasi,

Lokus bagi titik yang berjarak tetap **dari satu garis lurus** ialah **garis lurus yang selari** dengan garis lurus tersebut.


Contoh 7

Rajah di sebelah menunjukkan satu garis AB dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. Pada rajah, lukiskan lokus bagi titik X yang sentiasa bergerak 3 unit dari garis AB .



Penyelesaian:

Lokus bagi titik X yang bergerak 3 unit dari garis AB ialah sepasang garis yang selari dengan AB dan berjarak 3 unit dari garis AB .



Apakah lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang selari?

Cetusan Minda 7




Tujuan: Menentukan lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang selari.


Bahan: Kertas kosong, jangka lukis, pembaris dan pensel.

Langkah:


1. Lukiskan dua garis lurus PQ dan MN yang selari (Rajah 1).
2. Dengan menggunakan jangka lukis, tandakan persilangan dari titik P dan titik M .
3. Ulangi langkah 2 untuk titik Q dan titik N (Rajah 2).
4. Sambungkan kesemua titik persilangan yang ditanda dengan melukis satu garis lurus (Rajah 3).



Rajah 1



Rajah 2



Rajah 3

5. Perihalkan sifat garis lurus yang menyambungkan kesemua titik persilangan (Rajah 3).

Perbincangan:

1. Ulangi langkah 1 hingga 4 dengan melukis dua garis lurus selari dengan kedudukan menegak dan condong.
2. Adakah hasil yang anda peroleh sama seperti langkah 4?

STANDARD PEMBELAJARAN
 Memerihal lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang selari.

Hasil daripada Cetusan Minda 7, didapati bahawa:


- (a) Lokus yang berjarak sama dari dua garis selari PQ dan MN ialah satu garis lurus.
- (b) Lokus tersebut adalah selari dengan garis lurus PQ dan MN serta melalui titik tengah garis PQ dan MN .

Secara generalisasi,

Lokus bagi titik yang **berjarak sama dari dua garis lurus** yang selari ialah **satu garis lurus yang selari dan melalui titik tengah** bagi pasangan garis lurus selari tersebut.


Contoh 8

Rajah di sebelah menunjukkan segi empat tepat, $ABCD$ yang dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. Huraikan dan lukis lokus X yang berjarak sama dari garis AB dan DC .



Penyelesaian:

Lokus bagi titik X yang berjarak sama dari garis AB dan DC ialah garis yang selari dengan AB dan DC serta berjarak 3 unit dari garis AB dan DC .



Apakah lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang?

Cetusan Minda 8 Berkumpulan

Tujuan: Menentukan lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang.


Bahan: Kertas grid segi empat sama, pembaris, pensel dan protractor.

Langkah:

1. Lukiskan paksi y dan paksi x pada satah Cartes pada kertas grid (Rajah 1).
2. Tandakan pasangan koordinat yang bernilai sama. Contoh, $(0, 0)$, $(-2, -2)$, $(4, 4)$ dan sebagainya (Rajah 2).
3. Sambungkan kesemua titik dengan satu garis lurus. Ukur $\angle a$, $\angle b$, $\angle c$ dan $\angle d$ dengan menggunakan protractor (Rajah 3).

STANDARD PEMBELAJARAN

Memerihalkan lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang.



Perbincangan:

1. Apakah kesimpulan anda tentang nilai $\angle a$, $\angle b$, $\angle c$ dan $\angle d$ dengan sudut yang terbentuk pada persilangan paksi x dan paksi y ?
2. Apakah kaitan antara garis lurus yang menyambungkan pasangan koordinat bernilai sama dengan nilai $\angle a$, $\angle b$, $\angle c$ dan $\angle d$?

Hasil daripada Cetusan Minda 8, didapati bahawa;

- (a) $\angle a = \angle b = \angle c = \angle d = 45^\circ$.
- (b) Garis lurus yang menyambungkan pasangan koordinat bernilai sama, membahagi dua sama sudut persilangan antara paksi- x dengan paksi- y .


Secara generalisasi,

Lokus bagi titik yang berjarak sama dari **dua garis lurus yang bersilang** ialah **pembahagi dua sama sudut** bagi garis-garis tersebut.

Bagaimanakah anda membina lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang?


Contoh 9

Bina lokus bagi titik X yang berjarak sama dari dua garis lurus, PQ dan PN yang bersilang di P .



Penyelesaian:

1. Dengan menggunakan jangka lukis, tanda satu lengkuk daripada titik P yang memotong garis lurus PQ dan PN .
2. Tandakan titik persilangan antara lengkuk dan garis lurus PQ dan PN sebagai A_1 dan A_2 masing-masing.
3. Bina persilangan dari titik A_1 dan A_2 .
4. Lukis satu garis lurus yang menyambungkan titik persilangan yang dibina pada langkah 3 dan titik P .




Tajuk: Membina lokus berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang.

Bahan: Perisian dinamik

Langkah:

1. Mulakan dengan *New Sketch*.
2. Pilih *Straightedge Tool* untuk melukis garis AB dan BC yang bersilang di B .
3. Guna *Text Tool* untuk melabel titik A , diikuti titik B dan seterusnya titik C (Titik persilangan mesti ditanda pada giliran yang kedua).
4. Tandakan ketiga-tiga titik di A , B dan C dengan *Selection Arrow Tool*. (Rajah 1)
5. Pilih menu *Construct* untuk membina pembahagi dua sama sudut (*Angle bisector*) antara dua garis yang bersilang. (Rajah 2)



Rajah 1

Rajah 2

Perbincangan:


Apakah kesimpulan anda berkaitan lokus berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang?

Hasil daripada Cetusan Minda 9, didapati bahawa;

Lokus suatu titik yang berjarak sama dari dua garis lurus AB dan BC yang bersilang di titik B ialah satu garis lurus yang membahagi dua sama $\angle ABC$.


Contoh 10

Rajah di sebelah menunjukkan segi empat sama $ABCD$. Huraikan dan lukis lokus bagi titik Y yang bergerak sama jarak dari garis AB dan garis AD .




Penyelesaian:

Lokus bagi titik Y yang bergerak sama jarak dari garis AB dan garis AD ialah garis lurus yang membahagi dua sama sudut BAD .




UJI MINDA 8.2a

1. Rajah menunjukkan garis lurus PQ yang berjarak 5 cm.




- (a) X ialah satu titik yang sentiasa berjarak 3 cm dari titik P . Huraikan selengkapnya lokus bagi titik X .
- (b) Y ialah satu titik yang sentiasa berjarak 4 cm dari titik Q . Huraikan selengkapnya lokus bagi titik Y .

2. Rajah di sebelah menunjukkan segi empat sama $ABCD$ yang dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. P, Q, R, S dan T ialah lima titik yang bergerak di dalam segi empat sama $ABCD$. Dengan menggunakan huruf di dalam rajah, nyatakan lokus bagi titik



- (a) P yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa sama dari titik A dan titik D .
- (b) Q yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa sama titik B dan titik D .
- (c) R yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 4 unit dari garis lurus BC .
- (d) S yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa sama dari garis lurus AB dan BC .
- (e) T yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 4 unit dari garis lurus EG .

3. Rajah di sebelah menunjukkan garis lurus CD yang berjarak 6 cm.




T ialah satu titik yang sentiasa berjarak 1.5 cm dari garis lurus CD .


- (a) Lukis lokus bagi titik T .
- (b) Huraikan selengkapnya lokus bagi titik T .

4. Bina lokus bagi titik Y bagi situasi yang diberikan.


(a) Sentiasa berjarak sama dari garis lurus PQ dan PR .




(b) $YC = YD$



(c) $\angle PQY = \angle RQY$



5. Rajah di sebelah menunjukkan trek larian. Seorang olahragawan berlatih dengan keadaan beliau sentiasa lari selang dua lorong dari lorong 4 trek tersebut. Lukiskan lokus larian olahragawan tersebut.



Bagaimanakah anda menentukan lokus yang memenuhi dua atau lebih syarat?


Persilangan bagi dua atau lebih lokus boleh ditentukan dengan membina setiap lokus yang dinyatakan pada satu rajah yang sama.

STANDARD PEMBELAJARAN

Menentukan lokus yang memenuhi dua atau lebih syarat.


Contoh 11

Rajah di sebelah menunjukkan segi empat sama $ABCD$ yang dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. Titik X dan titik Y ialah dua titik yang bergerak di dalam segi empat sama $ABCD$ tersebut. Pada rajah, lukis




- lokus bagi titik X yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 7 unit dari A .
- lokus bagi titik Y yang bergerak dengan keadaan jaraknya adalah sentiasa sama dari garis AB dan garis CD .
- Tandakan kedudukan bagi semua titik persilangan lokus X dan lokus Y dengan simbol \otimes .

Penyelesaian:




Contoh 12

Rajah di sebelah menunjukkan empat segi empat sama bersisi 2 cm yang digabungkan. Titik X dan titik Y ialah dua titik yang bergerak dalam segi empat sama $PRTV$. Pada rajah, lukis



- lokus bagi titik X yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 2 cm dari M .
- lokus bagi titik Y yang bergerak dengan keadaan jaraknya adalah sentiasa sama dari garis PR dan garis PV .
- Tandakan kedudukan bagi semua titik persilangan lokus X dan lokus Y dengan simbol \otimes .


Penyelesaian:




UJI MINDA 8.2b

1. Dalam rajah di sebelah, segi empat $ABCD$ mewakili sebahagian daripada satu kawasan tasik. $ABCD$ dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. Titik V dan titik W mewakili perjalanan bot V dan bot W . Pada rajah, lukiskan


- (a) lokus bagi bot V yang sentiasa bergerak 5 unit dari titik D .
- (b) lokus bagi bot W yang berjarak 3 unit dari garis BC .
- (c) Seterusnya, tandakan persilangan laluan bot V dan bot W dengan simbol \otimes .



2. Rajah di sebelah menunjukkan satah Cartes yang ditandakan dengan empat titik E , F , G dan H . Faruk berada pada jarak yang sama dari paksi- x dan paksi- y . Kedudukan Faruk juga kurang daripada 5 unit dari pusat O . Antara titik E , F , G dan H , yang manakah merupakan kedudukan Faruk?




3. Rajah di sebelah menunjukkan satah Cartes. Titik F bergerak dengan keadaan jarak tegaknya sentiasa 3 unit dari paksi- x manakala titik G bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 4 unit dari asalan. Tandakan semua titik persilangan antara lokus F dan lokus G dengan simbol \otimes .



 **Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah yang melibatkan lokus?**

Contoh 13

Sebuah klinik akan dibina di sebuah kampung. Klinik itu hendaklah berjarak sama di antara rumah P dengan rumah Q , serta berjarak 600 meter dari suatu jalan raya AB . Tentukan kedudukan yang mungkin bagi klinik itu. (skala 1 cm = 600 meter)

 **STANDARD PEMBELAJARAN**
Menyelesaikan masalah yang melibatkan lokus.



Penyelesaian:


Memahami masalah

Klinik itu berjarak sama dari P dan Q , iaitu garis lurus pembahagi dua sama untuk P dan Q . Klinik berjarak 600 meter dari jalan raya AB . Wujud dua garis lurus selari.

Merancang strategi

Melukis dengan menggunakan jangka lukis dan pembaris.

Melaksanakan strategi





Membuat kesimpulan

Dua kedudukan yang ditandakan dengan simbol \otimes memenuhi syarat-syarat untuk membina klinik.

UJI MINDA 8.2c

- Rajah di sebelah menunjukkan segi empat sama $PQRS$ dengan sisi 6 cm. Dua semi bulatan berpusat di M dan N dilukis di dalam segi empat sama $PQRS$. Diberi M dan N ialah titik tengah PS dan QR . Pada rajah, lorekkan rantau yang memenuhi pergerakan lokus-lokus berikut.
 - Lokus bagi titik X yang sentiasa bergerak dengan keadaan $XM \leq 3$ cm dan lebih daripada 3 cm dari garis SR .
 - Lokus bagi titik Y yang sentiasa bergerak dengan keadaan $YM \geq 3$ cm dan $YN \geq 3$ cm.
 - Huraikan persilangan antara lokus X dengan lokus Y .

- Rajah di sebelah menunjukkan kawasan berpagar bagi suatu padang rumput berbentuk segi empat tepat $PQRS$ dengan ukuran 6 m \times 8 m. Seekor kambing diikat pada titik Q dengan seutas tali yang panjangnya 7 meter. Lorekkan rantau yang boleh dicapai oleh kambing itu.




3. Khalid melukis pelan untuk permainan mencari kotak harta karun pada grid segi empat sama dengan skala 1 cm kepada 1 meter.

Pada rajah di sebelah, lukis

- kawasan kotak harta karun jika berjarak 3 m dari tiang bendera P .
- kawasan kotak harta karun jika berjarak 5 m dari Jalan Bahagia.


Seterusnya, tandakan kedudukan yang mungkin bagi kotak harta karun dengan simbol \otimes .




Cabaran Dinamis

Uji Diri


- Rajah di bawah menunjukkan segi tiga sama sisi ABC . S ialah satu titik di atas garis AB . Titik X dan titik Y ialah dua titik yang bergerak dalam rajah tersebut. Pada rajah,
 - lukis lokus bagi titik X dengan keadaan $AX = AS$.
 - lukis lokus bagi titik Y dengan keadaan Y adalah sama jarak dari AC dan BC .
 - Seterusnya, tandakan dengan simbol \otimes semua persilangan bagi lokus X dan lokus Y itu.



- Rajah di bawah menunjukkan pentagon sekata $MNPQR$. Titik X dan titik Y ialah dua titik yang bergerak di dalam pentagon tersebut. Pada rajah,
 - lukis lokus bagi titik X dengan keadaan $RX = XN$.
 - lukis lokus bagi titik Y dengan keadaan $RY = RQ$.
 - tandakan dengan simbol \otimes semua titik persilangan bagi lokus X dan lokus Y .




3. Rajah di bawah menunjukkan kawasan hutan yang berbentuk segi tiga PQR . Titik X dan titik Y ialah dua lokus yang menghuraikan kedudukan sebuah helikopter yang terhempas. Pada rajah
- lukis lokus bagi titik X dengan keadaan jaraknya sentiasa sama dari garis QR dan QP .
 - lukis lokus bagi titik Y dengan keadaan $YP = PR$.
 - Seterusnya, tandakan dengan simbol \otimes bagi kedudukan yang mungkin bagi helikopter tersebut.




Mahir Diri

1. Rajah di sebelah dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. Titik X , titik Y dan titik Z ialah tiga titik yang bergerak di dalam segi empat sama itu.

- X ialah titik yang bergerak dengan keadaan jaraknya adalah sentiasa sama dari titik Q dan titik C . Dengan menggunakan huruf dalam rajah, nyatakan lokus bagi titik X .
- Pada rajah,
 - lukis lokus bagi titik Y yang bergerak dengan keadaan jaraknya adalah sentiasa sama dari garis lurus PD dan DT .
 - lukis lokus bagi titik Z yang bergerak dengan keadaan titik itu sentiasa berjarak 5 unit dari titik S .
- Tandakan dengan simbol \otimes kedudukan bagi semua persilangan bagi lokus Y dan lokus Z .




2. Rajah di bawah menunjukkan rombus $MNOP$. Titik X dan titik Y ialah dua titik yang bergerak dalam rombus tersebut. Pada rajah,
- lukis lokus bagi titik X yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa sama dari garis PM dan garis PO .
 - lukis lokus bagi titik Y yang bergerak dengan keadaan $YP = PO$.
 - Tandakan dengan simbol \otimes kedudukan bagi semua persilangan bagi lokus X dan lokus Y .




Masteri Kendiri

1. Rajah di bawah menunjukkan dua semi bulatan, $PKLT$ dan $QNMS$ berpusat di R , dengan diameter masing-masing 8 cm dan 4 cm. KNR dan RML ialah lengkok bulatan berpusat di P dan T masing-masing.



Berdasarkan rajah di atas, nyatakan

- titik yang berjarak 2 cm dari R dan 4 cm dari P .
 - titik yang berjarak lebih daripada 2 cm dari R dan 4 cm dari T .
 - kedudukan bagi titik X yang bergerak dalam rajah dengan keadaan kurang daripada 4 cm dari P dan lebih daripada 2 cm dari R .
 - kedudukan bagi titik Y yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $YR < 2$ cm dan $YP < 4$ cm.
 - kedudukan bagi titik Z yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $ZT > 4$ cm, $ZP > 4$ cm dan $ZR > 2$ cm.
2. Dalam rajah di bawah, $SLMQ$, $PKLR$, $QNKS$ dan $RMNP$ ialah lengkok bulatan berjejari 4 cm dan berpusat di P , Q , R dan S masing-masing.




Berdasarkan rajah di atas, nyatakan

- kedudukan bagi titik X yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $XS < 4$ cm, $XP < 4$ cm dan $XQ > 4$ cm.
- kedudukan bagi titik Y yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $YR > YP$.
- kedudukan bagi titik Z yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $ZP < 4$ cm, $ZQ < 4$ cm, $ZR < 4$ cm dan $ZS < 4$ cm.



3. Rajah di bawah menunjukkan segi empat sama $PQRS$ dengan sisi 4 cm dan suatu bulatan berpusat di O dengan jejari 1 cm. Titik X dan titik Y ialah dua titik yang sentiasa bergerak di dalam segi empat sama $PQRS$.



Huraikan pergerakan yang mungkin bagi lokus titik X dan titik Y bagi titik persilangan berikut.

- B dan D .
- A dan C .

PROJEK

Apabila kita melihat permukaan jam untuk mengetahui waktu, kita mendapati hujung jarum jam sentiasa bergerak dengan corak yang sama iaitu dengan keadaan hujung jarum sentiasa berjarak sama dari pusat permukaan jam.




Mengapakah bentuk bulatan yang dipilih untuk mewakili pergerakan masa dalam jam? Dapatkan maklumat tentang kaitan antara pembahagian jam, minit dan saat dengan bentuk bulatan. Buat satu laporan bergambar dengan menggunakan multimedia.

PETA KONSEP


Lokus dalam Dua Dimensi

Satu set titik yang kedudukannya memenuhi syarat tertentu.


Lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu titik tetap.




Lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua titik tetap




Lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu garis lurus



Lokus bagi titik berjarak sama dari dua garis lurus yang selari



Lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang



(IMBAS KENDIRI)

Pada akhir bab ini, saya dapat:




1.	Mengenal lokus dalam situasi kehidupan sebenar, dan seterusnya menerangkan maksud lokus.		
2.	Memerihal lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu titik tetap.		
3.	Memerihal lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua titik tetap.		
4.	Memerihal lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu garis lurus.		
5.	Memerihal lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang selari.		
6.	Memerihal lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang.		
7.	Menentukan lokus yang memenuhi dua atau lebih syarat.		
8.	Menyelesaikan masalah yang melibatkan lokus.		

JELAJAH MATEMATIK

Kita boleh melakar satu elips dengan langkah-langkah berikut:

1. Ikatkan dua batang paku dengan seutas tali (satu paku pada setiap hujung tali).
2. Letakkan sehelai kertas di atas sekeping papan rata.
3. Pakukan dua paku tadi di atas kertas itu supaya tali itu tidak berada dalam keadaan tegang. Dua paku yang ditetapkan itu dipanggil fokus.
4. Kita boleh mula melakar bentuk elips dengan menarik secara tegang tali itu dengan menggunakan mata pensel di dalam batasan tali itu.
5. Perhatikan bentuk elips yang terbentuk.



BIJAK MINDA

Mengapakah elips juga boleh dikenali sebagai lokus?

BAB 9

Garis Lurus


 **Apakah yang akan anda pelajari?**

9.1 Garis Lurus

Kenapa Belajar Bab Ini?

- Konsep garis lurus digunakan dengan meluas dalam pembinaan pelbagai bentuk geometri seperti segi empat sama, segi tiga dan layang.
- Konsep garis lurus digunakan dalam bidang kejuruteraan, arkitek, pembinaan, pemetaan, sains, sukan dan sebagainya.

Kebiasaannya, setiap bangunan dibina secara menegak. Seseengah bangunan seperti Menara Jam Condong Teluk Intan yang telah dibina pada tahun 1885, menjadi condong disebabkan struktur tanah. Walaupun berbentuk condong dan berusia lebih 100 tahun, Menara Jam Condong Teluk Intan masih kukuh dan menjadi mercu tanda bandar Teluk Intan. Menara condong ini telah diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2015.





Eksplorasi Zaman

Euclid ialah seorang pakar matematik dari Yunani. Beliau telah membuat banyak kajian tentang garis lurus dan geometri sehingga beliau dikenali sebagai pengasas geometri.

Bidang geometri yang diberi nama Geometri Euclid adalah untuk memperingati sumbangan beliau dalam bidang berkaitan.




<http://yakin-pelajar.com/Eksplorasi%20Zaman/Bab%209/>

GERBANG KATA

- garis lurus
- garis selari
- jarak mencancang
- jarak mengufuk
- kecerunan
- paksi
- pintasan
- persamaan serentak
- titik persilangan
- *straight line*
- *parallel line*
- *vertical distance*
- *horizontal distance*
- *gradient*
- *axis*
- *intercept*
- *simultaneous equation*
- *intersection point*

Apakah persamaan bagi suatu garis lurus?

Semasa di Tingkatan 2, anda telah mempelajari cara untuk melukis graf bagi suatu fungsi linear dan fungsi bukan linear dengan membina jadual nilai bagi fungsi berkaitan.



Setiap graf fungsi di atas dilukis berdasarkan suatu fungsi tertentu. Fungsi tersebut juga merupakan persamaan bagi bentuk graf berkaitan.

Bolehkah anda bezakan graf fungsi linear dan graf fungsi bukan linear? Bincangkan.

STANDARD PEMBELAJARAN

Membuat perkaitan antara persamaan $y = mx + c$, dengan kecerunan dan pintasan- y , dan seterusnya membuat generalisasi tentang persamaan garis lurus.

Cetusan Minda 1



Berkumpulan

Tujuan: Menentukan perkaitan antara persamaan $y = mx + c$ dengan kecerunan dan pintasan- y .

Bahan: Kertas graf, kad-kad fungsi linear

Langkah:

1. Bahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi kad yang ditulis dengan dua fungsi linear.

Kumpulan 1

$$y = 3x + 6$$

$$y = -2x - 4$$

Kumpulan 2

$$y = 2x + 6$$

$$y = -4x + 8$$

Kumpulan 3

$$y = 5x - 10$$

$$y = -3x + 9$$

Kumpulan 4

$$y = 4x - 8$$

$$y = -2x + 2$$

3. Lengkapkan jadual nilai di bawah untuk setiap fungsi yang diberi.

x	-3	-2	-1	0	1	2	3
y							

4. Berdasarkan jadual nilai lukiskan graf fungsi.



IMBAS KEMBALI

Kecerunan, m , bagi garis lurus yang menyambung dua titik (x_1, y_1) dan (x_2, y_2)

$$m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1}$$

atau

$$m = -\frac{\text{pintasan-}y}{\text{pintasan-}x}$$

5. Daripada graf fungsi, hitung kecerunan dan nyatakan nilai pintasan-y.
6. Bandingkan nilai kecerunan dan pintasan-y daripada graf dengan nilai dalam kad fungsi.


Perbincangan:

1. Bandingkan dapatan anda di langkah 6 dengan fungsi linear $y = mx + c$. Apakah kesimpulan anda?
2. Bentangkan hasil dapatan anda. Adakah hasil dapatan anda sama dengan hasil dapatan kumpulan lain?

Hasil daripada Cetusan Minda 1, didapati bahawa;

- (a) Bagi suatu fungsi linear, $y = mx + c$, m ialah kecerunan dan c ialah pintasan-y garis lurus tersebut.
- (b) Graf untuk fungsi linear, $y = mx + c$ ialah satu garis lurus.

Secara generalisasi,




Cetusan Minda 2 Berpasangan

Tujuan: Menghasilkan graf fungsi linear.


Bahan: Perisian dinamik

Langkah:

1. Mulakan dengan *New sketch*.
2. Pilih ikon *graph*.
3. Pilih *plot new function* dan masukkan persamaan garis lurus yang dikehendaki (Rajah 1).




Graf garis lurus pertama: $y = 2x - 3$




Rajah 1

- Klik *straightedge tool* dan tandakan dua titik di atas graf garis lurus yang terbina.
- Klik *measure* dan seterusnya klik *slope* (Rajah 2).
Nilai kecerunan akan dipaparkan (Rajah 3).




Rajah 2




Rajah 3

- Ulangi langkah 2 hingga 5 untuk melukis dan menentukan kecerunan graf garis lurus fungsi $y = -2x + 8$ (Rajah 4).



Graf garis lurus kedua:
 $y = -2x + 8$




Rajah 4

- Garis lurus yang selari dengan paksi- x dan paksi- y .

Contoh paparan bagi garis lurus seperti

- (a) $y = 4$ (b) $x = 6$




$x = 6$


TIP

Hubungan nilai m dengan bentuk graf garis lurus.

Jika $m > 0$



Jika $m < 0$



Perbincangan:

1. Bandingkan bentuk graf yang terhasil daripada perisian dinamik dengan bentuk graf daripada Cetusan Minda 1.
2. Buat kesimpulan bagi nilai-nilai m dan c bagi persamaan garis lurus berbentuk $y = mx + c$. Bincangkan bentuk graf apabila
 - (a) m bernilai positif
 - (b) m bernilai negatif
 - (c) selari dengan paksi- x
 - (d) selari dengan paksi- y

Hasil daripada Cetusan Minda 2, didapati bahawa;

- (a) Graf untuk fungsi linear $y = mx + c$ ialah satu garis lurus.
- (b) Graf untuk fungsi $y = h$ ialah satu garis lurus yang selari dengan paksi- x .
- (c) Graf untuk fungsi $x = h$ ialah satu garis lurus yang selari dengan paksi- y .

Contoh 1

Tentukan kecerunan dan pintasan- y bagi garis lurus

(a) $y = 2x + 9$

(b) $3y = -2x + 12$

Penyelesaian:

- (a) Bandingkan $y = 2x + 9$ dengan $y = mx + c$;
 $m = 2$ dan $c = 9$
 Maka, kecerunan = 2 dan pintasan- $y = 9$

- (b) Diberi $3y = -2x + 12$

$$\frac{3y}{3} = -\frac{2x}{3} + \frac{12}{3}$$

Dibahagi dengan 3 supaya pekali y bernilai +1.

$$y = -\frac{2}{3}x + 4$$

Bandingkan $y = -\frac{2}{3}x + 4$ dengan $y = mx + c$;

$$m = -\frac{2}{3} \text{ dan } c = 4$$

Maka, kecerunan = $-\frac{2}{3}$ dan pintasan- $y = 4$.

BIJAK MINDA

Apakah nilai pintasan- y bagi suatu garis lurus yang melalui asalan?

KUIZ

Apakah nilai kecerunan bagi garis lurus



- (a) $y = x$
- (b) $y = -x$

BULETIN

Dalam persamaan $y = mx + c$, pekali bagi y ialah +1.

Contoh 2

Nyatakan nilai h bagi graf garis lurus di bawah. Nyatakan alasan untuk jawapan anda.



Penyelesaian:

(a) $h = 6$ kerana garis lurus $y = 6$ sentiasa berjarak 6 unit dari paksi- x

(b) $h = 4$ kerana garis lurus $x = 4$ sentiasa berjarak 4 unit dari paksi- y .

UJI MINDA 9.1a

1. Tentukan kecerunan dan pintasan- y bagi garis lurus yang berikut.

(a) $y = 3x + 5$

(b) $y = 2x - 7$



(c) $y = -x + 4$

(d) $2y = 8x + 6$

(e) $3y = -x + 18$

(f) $-4y = -2x + 5$

2. Nyatakan nilai k dan nilai h bagi setiap graf garis lurus yang diberi.



Apakah kaitan antara persamaan garis lurus dalam bentuk $ax + by = c$, $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$ dengan $y = mx + c$?

STANDARD PEMBELAJARAN

Menyiasat dan mentafsir persamaan garis lurus dalam bentuk lain seperti $ax + by = c$ dan $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$, serta menukarkan kepada bentuk $y = mx + c$ dan sebaliknya.

Cetusan Minda 3 Berkumpulan

Tujuan: Menentukan kaitan antara persamaan garis lurus dalam

bentuk $ax + by = c$, $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$ dengan $y = mx + c$.

Bahan: Kertas graf, kad-kad persamaan garis lurus

Langkah:

1. Bahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi kad yang ditulis dengan tiga persamaan garis lurus.

Kumpulan 1

$$2x + 3y = 6$$

$$\frac{x}{3} + \frac{y}{2} = 1$$

$$y = -\frac{2}{3}x + 2$$

Kumpulan 2

$$4x - 2y = -8$$

$$\frac{x}{(-2)} + \frac{y}{4} = 1$$

$$y = 2x + 4$$

Kumpulan 3

$$-3x + 4y = -12$$

$$\frac{x}{4} + \frac{y}{(-3)} = 1$$

$$y = \frac{3}{4}x - 3$$

Kumpulan 4

$$-x - 4y = 4$$

$$\frac{x}{(-4)} + \frac{y}{(-1)} = 1$$

$$y = -\frac{1}{4}x - 1$$

3. Tentukan nilai sepadan y apabila $x = 0$ dan nilai sepadan x apabila $y = 0$ bagi setiap persamaan.

Contoh:

x	0	3
y	2	0

$2x + 3y = 6$
 Apabila $x = 0$: Apabila $y = 0$:
 $2(0) + 3y = 6$ $2x + 3(0) = 6$
 $3y = 6$ $2x = 6$
 $y = 2$ $x = 3$

4. Lukiskan graf garis lurus bagi setiap persamaan.
 5. Daripada graf, nyatakan pintasan- x dan pintasan- y serta tentukan kecerunan graf.

Perbincangan:

1. Apakah kesimpulan anda tentang kaitan antara nilai pintasan- x dengan pintasan- y serta kecerunan ketiga-tiga graf garis lurus?
2. Apakah kesimpulan anda tentang kaitan antara persamaan garis lurus berlainan bentuk yang diberikan kepada kumpulan anda?

TIP
 Graf garis lurus boleh dilukis dengan memplotkan sekurang-kurangnya dua titik.

TIP
 Kecerunan = $-\frac{\text{pintasan-}y}{\text{pintasan-}x}$

Hasil daripada Cetusan Minda 3, didapati bahawa;

- (a) Pintasan- x dan pintasan- y serta nilai kecerunan bagi ketiga-tiga garis lurus adalah sama.
- (b) Persamaan garis lurus dalam bentuk $ax + by = c$, $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$ dan $y = mx + c$ menghasilkan graf garis lurus yang sama jika nilai pintasan- x dan pintasan- y adalah sama.

Secara generalisasi,

Persamaan garis lurus $y = mx + c$ juga boleh ditulis dalam bentuk $ax + by = c$ dan $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$; $a \neq 0$ dan $b \neq 0$

Bagaimanakah anda menukarkan persamaan garis lurus dalam bentuk $ax + by = c$, $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$ kepada bentuk $y = mx + c$ dan sebaliknya?

Contoh 3

Tukarkan persamaan garis lurus di bawah kepada bentuk $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$ dan $y = mx + c$.

- (a) $2x + 3y = 12$ (b) $3x - 5y = 15$

Penyelesaian:

- (a) $2x + 3y = 12$

(i) $2x + 3y = 12$
 $\xrightarrow{\div 12} \frac{2x}{12} + \frac{3y}{12} = \frac{12}{12}$ } Dibahagi dengan 12 supaya mendapat nilai 1.
 $\frac{x}{6} + \frac{y}{4} = 1$

(ii) $2x + 3y = 12$
 $3y = -2x + 12$
 $\xrightarrow{\div 3} \frac{3y}{3} = \frac{-2x}{3} + \frac{12}{3}$ } Dibahagi dengan 3 supaya pekali y bernilai +1.
 $y = -\frac{2}{3}x + 4$

TIP
 Bagi persamaan garis lurus
 $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$,
 $a =$ pintasan- x
 $b =$ pintasan- y

(b) $3x - 5y = 15$

(i) $3x - 5y = 15$
 $\div 15 \rightarrow \frac{3x}{15} - \frac{5y}{15} = \frac{15}{15}$
 $\frac{x}{5} - \frac{y}{3} = 1$

(ii) $3x - 5y = 15$
 $-5y = -3x + 15$
 $\div (-5) \rightarrow \frac{-5y}{(-5)} = \frac{-3x}{(-5)} + \frac{15}{(-5)}$
 $y = \frac{3}{5}x - 3$

SUDUT DISKUSI

Antara tiga bentuk persamaan garis lurus yang anda belajar, bentuk manakah yang paling mudah diketahui nilai kecerunan, nilai pintasan- y dan nilai pintasan- x suatu garis lurus? Bincangkan.

Contoh 4

Tukarkan persamaan garis lurus di bawah kepada bentuk $ax + by = c$ dan $y = mx + c$.

(a) $\frac{x}{6} + \frac{y}{3} = 1$

(b) $-\frac{x}{2} + \frac{y}{4} = 1$

Penyelesaian:

(a) $\frac{x}{6} + \frac{y}{3} = 1$

(b) $-\frac{x}{2} + \frac{y}{4} = 1$

(i) $\frac{x}{6} + \frac{y}{3} = 1$

(i) $-\frac{x}{2} + \frac{y}{4} = 1$

$\frac{3x + 6y}{6(3)} = 1 \rightarrow$
 $3x + 6y = 1(18)$
 $3x + 6y = 18$
 $x + 2y = 6$

Kaedah menyamakan penyebut.

$\frac{-4x + 2y}{2(4)} = 1$
 $-4x + 2y = 1(8)$
 $-4x + 2y = 8$
 $-2x + y = 4$

(ii) $\frac{x}{6} + \frac{y}{3} = 1$

(ii) $-\frac{x}{2} + \frac{y}{4} = 1$

$\frac{y}{3} = -\frac{x}{6} + 1$
 $\times 3 \rightarrow \frac{3y}{3} = \frac{-x(3)}{6} + 1(3)$
 $y = -\frac{1}{2}x + 3$

$\frac{y}{4} = \frac{x}{2} + 1$
 $\times 4 \rightarrow \frac{4y}{4} = \frac{x(4)}{2} + 1(4)$
 $y = 2x + 4$

TIP

$-4x + 2y = 8$
 juga boleh ditulis sebagai
 $4x - 2y = -8$

KUIZ

Apakah nilai kecerunan bagi garis lurus

$-\frac{x}{2} - \frac{y}{2} = 1$?

Didarab dengan 4 supaya pekali y bernilai +1.

Contoh 5

Tukarkan persamaan garis lurus berikut kepada bentuk $ax + by = c$ dan $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$.

(a) $y = -2x + 8$

(b) $y = 3x + 6$

Penyelesaian:

(a) $y = -2x + 8$

(b) $y = 3x + 6$

(i) $y = -2x + 8$
 $2x + y = 8$

(i) $y = 3x + 6$
 $-3x + y = 6$

(ii) $y = -2x + 8$
 $2x + y = 8$

(ii) $y = 3x + 6$
 $-3x + y = 6$

$\div 8 \rightarrow \frac{2x}{8} + \frac{y}{8} = \frac{8}{8}$
 $\frac{x}{4} + \frac{y}{8} = 1$

$\div 6 \rightarrow \frac{-3x}{6} + \frac{y}{6} = \frac{6}{6}$
 $-\frac{x}{2} + \frac{y}{6} = 1$


UJI MINDA 9.1b

- Tuliskan persamaan garis lurus berikut dalam bentuk $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$ dan $y = mx + c$.
 (a) $3x - 4y = 24$ (b) $7x + 2y = 28$ (c) $5x - 3y = 15$ (d) $-2x + 3y = 9$
- Tuliskan persamaan garis lurus berikut dalam bentuk $ax + by = c$ dan $y = mx + c$.
 (a) $\frac{x}{4} + \frac{y}{3} = 1$ (b) $-\frac{x}{3} + \frac{y}{6} = 1$ (c) $\frac{3x}{2} + \frac{y}{6} = 1$ (d) $\frac{2x}{3} - \frac{y}{4} = 1$
- Tuliskan persamaan garis lurus berikut dalam bentuk $ax + by = c$ dan $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$.
 (a) $y = 2x + 6$ (b) $y = 3x - 12$ (c) $y = -x + 5$ (d) $y = -2x - 4$


Apakah hubungan antara titik pada garis lurus dengan persamaan garis lurus tersebut?

STANDARD PEMBELAJARAN
 Menyiasat dan membuat inferens tentang hubungan antara titik pada garis lurus dengan persamaan garis lurus tersebut.

Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan dua garis lurus yang dilukis pada satah Cartes berdasarkan persamaan garis lurus $x + 2y = 4$ dan $x - y = -3$.



Rajah 1



Rajah 2

Teliti kedudukan titik-titik P , Q dan R pada Rajah 1 dan Rajah 2. Apakah yang boleh anda nyatakan tentang titik-titik P , Q dan R serta garis lurus yang dilukis?

(a) Rajah 1

$$\overbrace{x + 2y = 4}^{\text{Kiri}} \quad \overbrace{x + 2y = 4}^{\text{Kanan}}$$

(i) Gantikan titik $P(4, 0)$

Kiri:	Kanan:
$x + 2y$	$= 4$
$= 4 + 2(0)$	\uparrow
$= 4$	Sama

(ii) Gantikan titik $Q(2, 1)$

Kiri:	Kanan:
$x + 2y$	$= 4$
$= 2 + 2(1)$	\uparrow
$= 4$	Sama

(iii) Gantikan titik $R(1, 2)$

Kiri:	Kanan:
$x + 2y$	$= 4$
$= 1 + 2(2)$	\uparrow
$= 5$	Tidak Sama

(b) Rajah 2

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri} & \text{Kanan} \\ \hline x - y & = -3 \end{array}$$

(i) Gantikan titik $P(-2, 1)$

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri:} & \text{Kanan:} \\ x - y & = -3 \\ = -2 - 1 & \\ = -3 & \leftarrow \text{Sama} \end{array}$$

(ii) Gantikan titik $Q(-1, 2)$

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri:} & \text{Kanan:} \\ x - y & = -3 \\ = -1 - 2 & \\ = -3 & \leftarrow \text{Sama} \end{array}$$

(iii) Gantikan titik $R(1, 3)$

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri:} & \text{Kanan:} \\ x - y & = -3 \\ = 1 - 3 & \\ = -2 & \leftarrow \text{Tidak Sama} \end{array}$$

Daripada aktiviti di atas didapati;

- (a) titik-titik pada garis lurus atau titik-titik yang dilalui oleh garis lurus akan memenuhi persamaan garis lurus.
 (b) titik-titik yang tidak terletak pada garis lurus tidak akan memenuhi persamaan garis lurus.

Contoh / 6

1. Tentukan sama ada titik P terletak pada garis lurus yang diberikan atau tidak.

(a) $y = 3x + 2$, $P(2, 8)$

(b) $3x - 2y = 12$, $P(-4, 2)$

(c) $\frac{x}{3} + \frac{y}{2} = 1$, $P(6, -2)$

(d) $2y = -5x - 7$, $P(4, 3)$

Penyelesaian:

(a) $y = 3x + 2$, $P(2, 8)$

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri} & \text{Kanan} \\ \hline y & = 3x + 2 \\ = 8 & \\ & = 3(2) + 2 \\ & = 8 \end{array}$$

← Sama →

Maka, $P(2, 8)$ terletak pada garis lurus $y = 3x + 2$.

(b) $3x - 2y = 12$, $P(-4, 2)$

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri} & \text{Kanan} \\ \hline 3x - 2y & = 12 \\ = 3(-4) - 2(2) & \\ = -16 & \end{array}$$

← Tidak Sama →

Maka, $P(-4, 2)$ tidak terletak pada garis lurus $3x - 2y = 12$

(c) $\frac{x}{3} + \frac{y}{2} = 1$, $P(6, -2)$

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri} & \text{Kanan} \\ \hline \frac{x}{3} + \frac{y}{2} & = 1 \\ = \frac{(6)}{3} + \frac{(-2)}{2} & \\ = 1 & \end{array}$$

← Sama →

Maka, $P(6, -2)$ terletak pada garis lurus $\frac{x}{3} + \frac{y}{2} = 1$.

(d) $2y = -5x - 7$, $P(4, 3)$

$$\begin{array}{cc} \text{Kiri} & \text{Kanan} \\ \hline 2y & = -5x - 7 \\ = 2(3) & = -5(4) - 7 \\ = 6 & = -27 \end{array}$$


← Tidak Sama →

Maka, $P(4, 3)$ tidak terletak pada garis lurus $2y = -5x - 7$.

Contoh 7

Rajah menunjukkan garis lurus $3x + 5y = 15$. Diberi bahawa O adalah asalan. Tentukan nilai

- (a) h (b) k (c) q (d) kecerunan garis lurus $3x + 5y = 15$



Penyelesaian:

- (a) h merupakan pintasan- x .

$$\begin{aligned} \text{Maka, } y &= 0 \\ 3x + 5y &= 15 \\ 3(h) + 5(0) &= 15 \\ 3h &= 15 \\ h &= \frac{15}{3} \\ h &= 5 \end{aligned}$$

- (b) k merupakan pintasan- y .

$$\begin{aligned} \text{Maka, } x &= 0 \\ 3x + 5y &= 15 \\ 3(0) + 5(k) &= 15 \\ 5k &= 15 \\ k &= \frac{15}{5} \\ k &= 3 \end{aligned}$$

- (c) $P(2, q)$ merupakan suatu titik pada garis lurus $3x + 5y = 15$.

$$\begin{aligned} \text{Maka,} \\ 3x + 5y &= 15 \\ 3(2) + 5(q) &= 15 \\ 6 + 5q &= 15 \\ 5q &= 15 - 6 \\ 5q &= 9 \\ q &= \frac{9}{5} \end{aligned}$$

- (d) Kecerunan garis lurus $3x + 5y = 15$

$$\begin{aligned} m &= -\frac{\text{pintasan-}y}{\text{pintasan-}x} \\ \text{kecerunan} &= -\frac{3}{5} \end{aligned}$$

TIP

- ♦ Bagi titik-titik pada paksi- x nilai koordinat- y ialah sifar.
- ♦ Bagi titik-titik pada paksi- y nilai koordinat- x ialah sifar.



IMBAS KEMBALI

Kecerunan, m

$$m = -\frac{\text{pintasan-}y}{\text{pintasan-}x}$$




BIJAK MINDA

Adakah koordinat $(-3, -3)$ terletak pada garis lurus $y = x$?

UJI MINDA 9.1c

- Tentukan sama ada titik berikut terletak pada garis lurus $y = 2x + 16$.
 (a) $M(-4, 3)$ (b) $N(1, 18)$ (c) $P(-8, 0)$ (d) $Q(-5, 8)$
- Tentukan sama ada titik berikut terletak pada garis lurus $2x + 3y = 12$.
 (a) $M(0, 4)$ (b) $N(3, -2)$ (c) $P(15, -6)$ (d) $Q(-4, 8)$
- Tentukan sama ada titik berikut terletak pada garis lurus $\frac{x}{2} + \frac{y}{3} = 1$.
 (a) $M(2, 0)$ (b) $N(-2, 12)$ (c) $P(4, -3)$ (d) $Q(0, 6)$
- Rajah menunjukkan dua garis lurus, $y = x + 2$ dan $2x + 3y = 6$. Diberi bahawa O adalah asalan. Tentukan nilai
 (a) h (b) k (c) n



Apakah yang anda faham tentang kecerunan garis selari?

STANDARD PEMBELAJARAN

Menyiasat dan membuat inferens tentang kecerunan garis selari.



Anda telah pelajari bahawa kecerunan suatu garis lurus ialah nisbah jarak mencancang kepada jarak mengufuk dan sudut sepadan garis-garis selari adalah sama.

Cetusan Minda 4 Berpasangan

Tujuan: Menentukan kaitan antara kecerunan garis lurus dengan garis selari.

Langkah:

1. Teliti graf-graf garis lurus di bawah yang dilukis berdasarkan persamaan garis lurus dengan kecerunan yang sama iaitu $m = 2$.



2. Berdasarkan Rajah 1 hingga Rajah 5, hitung nilai θ .


Rajah 1	Rajah 2	Rajah 3	Rajah 4	Rajah 5
$\tan \theta = \frac{2}{1}$				
$\theta = 63.43^\circ$				

IMBAS KEMBALI

$\tan \theta = \frac{y}{x}$


3. Adakah nilai θ bagi kelima-lima rajah sama?

4. Graf-graf pada Rajah 1 hingga Rajah 5 digabungkan seperti di bawah.



TIP

PQ dan RS adalah selari kerana mempunyai sudut yang sepadan.



Perbincangan:

1. Apakah kaitan antara nilai θ dengan kelima-lima garis lurus di atas?
2. Adakah garis lurus $y = 2x + 4$, $y = 2x + 2$, $y = 2x$, $y = 2x - 2$ dan $y = 2x - 4$ selari? Mengapa?
3. Apakah kaitan antara kecerunan dengan garis selari?
4. Adakah dapatan anda sama dengan kumpulan lain?

Hasil daripada Cetusan Minda 4, didapati bahawa;

Garis lurus $y = 2x + 4$, $y = 2x + 2$, $y = 2x$, $y = 2x - 2$ dan $y = 2x - 4$ adalah selari kerana mempunyai kecerunan yang sama, iaitu $m = 2$ dan sudut sepadan yang sama, iaitu 63.43° .

Secara generalisasi,

Garis lurus yang mempunyai kecerunan yang sama adalah selari.

Contoh 8

Tentukan sama ada garis lurus $y = 3x + 5$ adalah selari dengan garis lurus $6x - 2y = 9$.

Penyelesaian:

$y = 3x + 5$
 Bandingkan dengan $y = mx + c$
 Kecerunan = 3

$$\begin{aligned}
 6x - 2y &= 9 \\
 -2y &= -6x + 9 \\
 \frac{-2y}{-2} &= \frac{-6x}{(-2)} + \frac{9}{(-2)} \\
 y &= 3x - \frac{9}{2}
 \end{aligned}$$

Kecerunan = 3

Sama

TIP

Bagi menentukan nilai kecerunan garis lurus, tukarkan persamaan garis lurus yang diberi kepada bentuk $y = mx + c$.

Kecerunan kedua-dua garis lurus adalah sama maka, $y = 3x + 5$ adalah selari dengan $6x - 2y = 9$.

Contoh 9

Tentukan sama ada garis lurus $y = 3x + 8$ adalah selari dengan garis lurus $6y = 3x - 9$.

Penyelesaian:

$$y = 3x + 8$$

Bandingkan dengan $y = mx + c$

$$\text{Kecerunan} = 3$$

$$6y = 3x - 9$$

$$y = \frac{3x}{6} - \frac{9}{6}$$

$$y = \frac{1}{2}x - \frac{3}{2}$$

$$\text{Kecerunan} = \frac{1}{2}$$

Tidak Sama

SUDUT DISKUSI

Adakah dua garis selari akan bersilang? Bincangkan.

Kecerunan kedua-dua garis lurus adalah tidak sama. Maka, $y = 3x + 8$ tidak selari dengan $6y = 3x - 9$.

Contoh 10

Diberi bahawa garis lurus $4x + 3y = 18$ adalah selari dengan garis lurus $2x + hy = 20$. Hitung nilai h .

Penyelesaian:

Jika kedua-dua garis lurus adalah selari maka, kecerunan adalah sama.

$$\text{Bagi } 4x + 3y = 18$$

$$3y = -4x + 18$$

$$y = -\frac{4}{3}x + 6$$

$$\text{Kecerunan} = -\frac{4}{3}$$

$$\text{Bagi } 2x + hy = 20$$

$$hy = -2x + 20$$

$$y = -\frac{2}{h}x + \frac{20}{h}$$

$$\text{Kecerunan} = -\frac{2}{h}$$

Maka,

$$-\frac{4}{3} = -\frac{2}{h}$$

$$h = 2 \times \frac{3}{4}$$

$$h = \frac{3}{2}$$

UJI MINDA 9.1d

1. Tentukan sama ada pasangan garis lurus berikut adalah selari.

(a) $3y = -6x + 3$ dan $y + 2x = 14$

(b) $2x + 3y = 3$ dan $2x + 6y = 12$

(c) $y = 2x + 1$ dan $8x - 4y = 5$

(d) $y = -3x + 4$ dan $9x + 2y = 12$

2. Tentukan nilai k bagi setiap pasangan garis selari berikut.


(a) $y = -3x + 4$ dan $y + kx = 14$

(b) $kx + 2y = 7$ dan $6x + 2y = 15$

(c) $8y = 5x + 1$ dan $kx - 3y = 8$

(d) $3x + ky = 4$ dan $2x + y = 3$

3. Rajah di sebelah menunjukkan suatu segi empat selari $PQRS$. Diberi bahawa garis lurus PQ adalah selari dengan SR dan garis lurus PS adalah selari dengan QR . Diberi O ialah asalan. Hitung nilai h dan nilai k .




📌 Bagaimanakah anda menentukan persamaan suatu garis lurus?



Persamaan suatu garis lurus $y = mx + c$ boleh ditentukan dengan langkah-langkah berikut:

Menentukan persamaan suatu garis lurus.

- 1 Tentukan nilai kecerunan, m .
- 2 Tentukan satu titik yang dilalui oleh garis lurus atau pada garis lurus tersebut.
- 3 Gantikan nilai kecerunan, m , nilai koordinat- x dan nilai koordinat- y dari titik ke dalam persamaan garis lurus $y = mx + c$ untuk menentukan nilai c iaitu nilai pintasan- y .



- 4 Gantikan nilai kecerunan dan nilai pintasan- y yang ditentukan ke dalam persamaan garis lurus $y = \underline{m}x + \underline{c}$.

📌 Menentukan persamaan suatu garis lurus apabila kecerunan dan suatu titik pada garis lurus diberi.

Contoh 11

Tentukan persamaan garis lurus dengan kecerunan $\frac{1}{2}$ dan melalui titik $P(6, 8)$.

Penyelesaian:

$$m = \frac{1}{2}, x = 6, y = 8$$

Gantikan nilai m , x dan y ke dalam $y = mx + c$ untuk menentukan nilai c .

$$8 = \frac{1}{2}(6) + c$$

$$8 = 3 + c$$

$$c = 8 - 3$$

$$c = 5$$

Maka, persamaan garis lurus ialah $y = \frac{1}{2}x + 5$.

KUIZ

Tentukan persamaan garis lurus dengan kecerunan 0 dan melalui titik $P(1, 5)$.

UJI MINDA 9.1e

1. Tentukan persamaan garis lurus yang mempunyai kecerunan dan melalui titik P yang diberi.

(a) Kecerunan = 2, $P(3, 7)$	(b) Kecerunan = -3, $P(-6, 4)$
(c) Kecerunan = $\frac{2}{3}$, $P(12, 5)$	(d) Kecerunan = $-\frac{1}{2}$, $P(4, -6)$

📌 Menentukan persamaan suatu garis lurus yang melalui dua titik.

Apabila dua titik pada suatu garis lurus diberi maka, kecerunan garis lurus tersebut dapat dihitung. Seterusnya persamaan garis lurus boleh ditentukan.

Contoh 12

Tentukan persamaan garis lurus yang melalui titik $P(-1, 5)$ dan $Q(2, -7)$.

Penyelesaian:

$$m = \frac{-7 - 5}{2 - (-1)} = \frac{-12}{2 + 1} = \frac{-12}{3} = -4$$

Bagi titik $P(-1, 5)$, $x = -1$, $y = 5$.

Gantikan nilai m , x dan y ke dalam $y = mx + c$ untuk menentukan nilai c .

$$5 = (-4)(-1) + c$$

$$5 = 4 + c$$

$$c = 5 - 4$$


$$c = 1$$

Maka, persamaan garis lurus ialah $y = -4x + 1$.

Contoh 13

Rajah di sebelah menunjukkan garis lurus PQ dan garis lurus RS . Diberi bahawa garis lurus PQ adalah selari dengan paksi- x dan garis lurus RS adalah selari dengan paksi- y . Tentukan

- persamaan garis lurus PQ
- persamaan garis lurus RS



Penyelesaian:

- (a) Kecerunan garis lurus PQ dengan

$A(2, 4)$ dan $M(0, 4)$

$$m = \frac{4 - 4}{2 - 0} = \frac{0}{2} = 0$$

Pintasan- $y = 4$

Maka, persamaan garis lurus PQ ialah

$$y = 0(x) + 4$$

$$y = 4$$

- (b) Kecerunan garis lurus RS dengan $A(2, 4)$

dan $N(2, 0)$.

$$m = \frac{4 - 0}{2 - 2} = \frac{4}{0} = \text{Tak tertakrif}$$

Kecerunan garis lurus RS adalah tak tertakrif dan sentiasa berjarak 2 unit dari paksi- y .

Maka, persamaan garis lurus RS ialah

$$x = 2$$

TIP

Anda juga boleh gantikan nilai titik Q , iaitu $x = 2$ dan $y = -7$ serta $m = -4$ dalam $y = mx + c$ untuk menghitung nilai c dan seterusnya menentukan persamaan garis lurus.

KUIZ

Tentukan persamaan garis lurus yang melalui titik $P(-4, 4)$ dan $Q(5, -5)$.

UJI MINDA 9.1f

1. Tentukan persamaan garis lurus yang melalui pasangan titik yang diberi.

(a) $K(0, 2)$, $L(6, 0)$

(b) $R(-2, 0)$, $S(0, 8)$

(c) $T(3, -1)$, $U(5, 7)$

(d) $G(-4, -2)$, $H(8, 6)$

(e) $M(-1, 3)$, $N(1, 5)$


(f) $P(-5, 3)$, $Q(4, -6)$

Menentukan persamaan suatu garis lurus yang melalui suatu titik dan selari dengan satu garis lurus yang diberi.

Anda telah ketahui bahawa jika dua garis lurus adalah selari maka kecerunan kedua-dua garis lurus tersebut adalah sama.

Contoh 14

Rajah di bawah menunjukkan garis lurus AB dengan persamaan $y = -2x + 6$. Tentukan persamaan garis lurus yang selari dengan AB dan melalui titik $P(5, 4)$.



Penyelesaian:

Persamaan garis lurus AB ialah $y = -2x + 6$, maka kecerunan AB ialah -2 .

Garis lurus yang dikehendaki adalah selari dengan AB , maka kecerunan, m bagi garis lurus tersebut ialah -2 .

Gantikan nilai m , x dan y ke dalam $y = mx + c$ untuk menentukan nilai c .

$$\begin{aligned} 4 &= (-2)(5) + c \\ 4 &= -10 + c \\ c &= 4 + 10 \\ c &= 14 \end{aligned}$$

Diberi $P(5, 4)$, maka,
 $x = 5$ dan $y = 4$.

Maka, persamaan garis lurus yang selari dengan AB dan melalui titik P ialah $y = -2x + 14$.

Contoh 15

Tentukan persamaan garis lurus yang selari dengan garis lurus $2x + 3y = 12$ dan melalui titik $G(6, 8)$.

Penyelesaian:

Diberi persamaan garis lurus $2x + 3y = 12$.

Maka, $3y = -2x + 12$

